

هُتَيْقَن تَيْتَه

PETIKAN TITAH

"TENAGA akademik tempatan juga hendaklah berazam untuk mencapai tahap yang selimbang dengan tenaga-tenaga luar di mana-mana saja universiti yang sudah 'established'." - Titah sempena Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Brunei Darussalam pada 18 September, 1999.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مَانِسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN sudah tentu akan ditupkan sangkakala, maka pada waktu itu melaik makhluq-makhluq yang di langit siapa yang ada di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah (perkemudian malinya). Kemudian dilip sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing). - Surah Az-Zumar ayat 28.

TAHUN 46 BILANGAN 36

RABU 5 SEPTEMBER, 2001/1422 رابو 17 جمادى الآخرة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Sentiasa bersemangat 'winning mind'

Julang, harumkan nama negara

BERAKAS, 29 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengesa para atlet yang dipilih menyertai kontinjen negara ke temasya Sukan SEA XXI di Kuala Lumpur supaya sentiasa mempunyai semangat 'winning mind' dalam apa jua pertandingan dan bukan setakat untuk menyertai sahaja.

"Semangat juang untuk menjulang dan mengharumkan nama negara dan bangsa semestinya ada di dalam diri setiap atlet negara, dan inilah sebabnya jika kita perhatikan atlet-atlet di negara lain menitikkan air mata semasa upacara penyempurnaan hadiah dan lagu kebangsaan dikumandangkan serta bendera kebangsaan dinaikkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Bersabda demikian di Upacara Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen negara ke Sukan SEA XXI, Kuala Lumpur, Duli Yang Teramat Mulia merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memperkenankan penyertaan kontinjen negara ke Sukan SEA dan memberikan segala bantuan, latihan, kemudahan dan kewangan.

Selaga bantuan yang disediakan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, adalah semata-mata untuk membantu semua atlet untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan khususnya di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Walau bagaimanapun segala bantuan yang disediakan dan dihidurkan oleh kerajaan tidak mungkin dapat mencapai apa yang dihasratkan tanpa adanya komitmen

Oleh Haji Ahat HI

sepenuhnya daripada semua atlet yang akan menyertai pertandingan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Menyentuh mengenai pemilihan atlet, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, bahawa jurulatih juga dapat membuat penilaian dan pemilihan secara profesional dengan memilih atlet-atlet yang terbaik dari segi 'performance' dan disiplin, manakala dari segi pencapaian atlet dinilai daripada 'current performance' atau pencapaian terkini yang ditunjukkannya.

Lihat muka 2



Berangkat menutup rasmi BISAM Ke-7

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menutup rasmi Pertandingan Kemahiran Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM) Kali Ke-7 yang berlangsung di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Kem pada 4 September.

Gambar atas kelihatan baginda berkenan mengurniakan hadiah kemenangan kepada wakil kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 'A' setelah menjuarai acara keseluruhan pertandingan BISAM di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Kem.

Realisasikan terasul 'Darussalam, Prinsip MIB'

UTAMAKAN KEPENTINGAN BRUNEI

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 3 September. - Tugas memelihara dan mempertahankan negara yang begitu berat adalah menjadi kewajipan kepada seluruh rakyat dan pemimpin kerana merekalah yang merumus dan menentukan hala tuju negara ini di masa hadapan.

Selubungan dengan itu, mahasiswa dan mahasiswi yang kini masih mengikuti kuliah di institut-institut pengajian tinggi selaku pewaris kepimpinan negara akan turut terlibat menerajui pentadbiran dan pengurusan negara ini di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi merealisasikan terasul 'Darussalam dan Prinsip Melayu Islam Beraja'.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan perkara tersebut ketika berucap merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut 2001 di Jabatan Penerangan.

Menurut Yang Berhormat, usaha untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) adalah menjadi kewajipan utama para pemimpin termasuk para penuntut yang akan mewarisi

keimpinan di masa hadapan.

"Para pemimpin hendaklah sentiasa memikirkan dan mengutamakan kepentingan MIB. Mahasiswa/mahasiswi hendaklah dari sekarang mempersiapkan diri bagi memikul tanggungjawab itu.

MIB hendaklah diutamakan dalam menentukan sikap, dalam meraih kemanfaatan dan keuntungan. Setiap pemikiran, perundingan, setiap keputusan yang dibuat, setiap tindakan yang diambil hendaklah mengutamakan kehendak dan kepentingan Negara Brunei Darussalam yang mendukung konsep MIB itu," tegas Yang Berhormat.

Untuk tidak menimbulkan salah faham, jelas Yang Berhormat, keuta-

maan yang dimaksudkan ialah nilai yang mesti didukung serta dihidulukan sebagaimana jua mendahulukan kepentingan umum daripada kepentingan diri sendiri, bukan pula bererti kepentingan diri tidak dipedulikan.

Lihat muka 2

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Menanamkan semangat setia kawan di kalangan belia tempatan, antarabangsa

- Muka 2

Senyum Budiman :

Patuhi peraturan dan undang-undang jalan raya

- Muka 3

Lawatan kerja Presiden Republik Indonesia

- Muka 8 dan 9

Arena Sukan :

Persija kekal juara

- Muka 13

Seruan Suci :

Tujuh sifat perlu ada pada pemimpin, pengikut

- Muka 3 ANEKA

Ehwal ASEAN :

- Muka 7 ANEKA

Ekonomi :

Masyarakat antarabangsa terima baik institusi kewangan Islam

- Muka 10 ANEKA

TAHUKAH AWDA

LEBIH 90,000 orang mengunjungi Pameran Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang diadakan di Jabatan Mufti Kerajaan bermula dari 22 hingga 31 Ogos, 2001. Pameran terbesar yang pertama kali diadakan di rantau ini telah menarik ramai pengunjung dalam dan luar termasuk ketua negara dan pembesar-pembesar luar negeri.

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita 1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



دفع نام الله يغمرها
فموره دان مها فابغ

Dari Sidang Pengarang

5 SEPTEMBER, 2001 BERSAMAAN 1422 جملای اخیر 17

PEWARIS KEPIMPINAN NEGARA

GOLONGAN mahasiswa baik yang menuntut dalam dan luar negara merupakan komponen terpenting masyarakat dan negara. Mereka menjadi elemen yang amat 'viable' dan terpenting dalam menjaga pembangunan dan kemajuan negara di masa depan. Tanggungjawab mereka yang utama ialah mengangakat dan menjulang martabat bangsa dan negara.

Sebagai pewaris kepimpinan negara, mahasiswa bukan sahaja perlu memperlempang dan mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan maklumat terkini, tetapi juga perlu mempelajari dan mengetahui perkembangan dan pentadbiran negara. Dengan persiapan yang rapi saja, mereka akan mampu menjadi warganegara yang boleh menerajui dan membawa negara ke mercu kejayaan dan ke puncak kegemilangan. Maka dalam konteks itu, mempersiapkan diri itu tidak mencukupi kalau hanya sekadar menuntut ilmu tanpa mengambil kira terhadap peranan dan tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

Maka bagi tujuan membentuk anak watan Brunei yang bertanggungjawab terhadap survival bangsa dan negara, Jabatan Penerangan pada setiap tahun mengumpulkan golongan mahasiswa dalam suasana harmoni yang dipanggil 'Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut'. Perkampungan yang berjalan sejak 1976 itu telah dihadiri oleh seramai 2,095 orang mahasiswa. Dan apa yang membanggakan, dalam tempoh 25 tahun itu, mereka kini memegang dan menerajui jawatan-jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta.

Tidak syak lagi, perkampungan sedemikian itu telah banyak memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk munda dan iltizam ke arah melahirkan semangat cintakan raja, bangsa, agama dan tanah air yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Di samping itu berjaya membawa dan mendekatkan mereka ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur MIB dan juga memberikan kefahaman mengenai keperluan semasa negara di bidang kemajuan sosial, ekonomi dan keselamatan. Tegasnya, perkampungan itu merupakan satu wadah kerajaan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memberikan peluang dan laluan yang seluas-luasnya kepada setiap rakyat negara ini untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara sebagai satu pelaburan dan aset negara yang amat besar. Maka dalam hubungan ini, setiap mahasiswa perlu memanfaatkan peluang keemasan itu, dan tidak menghampankan harapan negara yang memerlukan golongan cendekiawan yang berkelulusan dan berkebolehan bagi kesinambungan pembangunan negara dan survival bangsa di masa depan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain semasa berucap merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa/ Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut 2001 menegaskan bahawa mahasiswa yang kini masih menuntut di institut-institut pengajian tinggi selaku pewaris kepimpinan negara akan terlibat menerajui pentadbiran dan pengurusan negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi merealisasikan terasul Darussalam dan Prinsip Melayu Islam Beraja.

Bagi meneruskan dan mewarisi kepimpinan negara, mahasiswa hendaklah dari sekarang mempersiapkan diri bagi memikul tanggungjawab untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara MIB. Falsafah MIB hendaklah diutamakan dan dihidulukan dalam setiap tindakan yang akan diambil hendaklah mengutamakan kehendak dan kepentingan Negara Brunei Darussalam yang mendukung konsep MIB itu. Tegasnya, mereka hendaklah membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara dengan menunaikan tanggungjawab dalam perkara-perkara fardu kifayah.

Selain gigih meningkatkan ilmu, para mahasiswa perlu juga meningkatkan semangat kebangsaan dan kekitaan (sense of belonging) serta cintakan negara. Walaupun negara kita kecil dari segi saiz dan penduduknya, namun inilah negara kita yang sepatutnya kita pertahankan martabatnya, kita tanah, kita majukan agar ia sentiasa disegani dan dihormati. Kerana Negara Brunei Darussalam inilah tanah tumpah darah kita, kita warisi dari zaman dahulu lagi. Negara ini wajib kita pelihara, kita pertahankan dan kita makmurkan. Majukanlah negara ini lebih pesat lagi di bawah kepimpinan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui negara kita ini ke arah kemakmuran dan keamanan yang direndai Allah.

HALUAN ...

Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei 2001

MENANAMKAN SEMANGAT SETIA KAWAN DI KALANGAN BELIA TEMPATAN, A'BANGSA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiie Wasahbihiie Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Pembukaan Rasmi Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei 2001.

Beta difahamkan bahawa projek besar yang bertaraf antarabangsa ini adalah julung-julung kalinya diadakan di negara ini yang melibatkan penyertaan belia-belia dari Rantau Asia Pasifik untuk sama-sama berinteraksi dalam memikul tugas-tugas mencabar mengendalikan kegiatan-kegiatan yang berpotensi di dalam bidang-bidang pembangunan mental, fizikal, kerohanian dan sosial para belia. Mereka itu diharapkan menjadi menyumbang terbimbing tetapi kreatif untuk membawa masyarakat masing-masing kepada pembangunan dan kemakmuran dengan tanpa mengira keturunan bangsa, agama dan warna kulit.

Beta sungguh gembira, Perkhemahan Belia Antarabangsa ini dikelolakan oleh ketiga-tiga buah persatuan beruniform, iaitu Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dan Pertubuhan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam sebagai menyahut seruan beta di Majlis Musababah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara pada 25 Mac, 2000.

Ini tidak syak lagi merupakan satu petanda baik, bahawa ketiga-tiga persatuan beruniform ini telah dapat mengendalikan satu projek besar di kala-

ngan ahli-ahlinya, yang juga turut melibatkan semua belia remaja dari maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan persatuan-persatuan belia.

Selaras dengan tema perkhemahan ini, 'Fostering Youth Solidarity', beta percaya perkhemahan ini akan dapat menanamkan semangat setia kawan di kalangan para belia tempatan dan antarabangsa, sebagai persiapan ke arah menghadapi cabaran-cabaran getir oleh zaman tanpa sempadan.

Melalui kegiatan-kegiatan yang penuh rintangan, beta percaya perkhemahan ini akan berhasi membekalkan daya



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pembukaan Rasmi Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei 2001.

tahan yang tinggi di kalangan belia. Namun begitu, mesti pula diingat, bahawa rohani dan moral yang baik adalah segala-galanya. Ia lebih berupaya menyampaikan kita kepada matlamat-matlamat sejati yang tidak dicemari oleh kepalsuan.

Para belia mestilah terdedah dan bahkan komited dengan nilai-nilai yang luhur. Kerana mereka itu adalah ejen-ejen kebe-

naran dan keadilan. Mereka tidak boleh lari dari tanggungjawab besar ini. Kerana itulah, belia yang berkualiti bukanlah mereka yang hanya suka ketawa tetapi langsung tidak mengingati orang lain yang menagis.

Di dalam perkhemahan ini belia-belia akan berusaha untuk merebut Anugerah Darussalam. Anugerah ini sebenarnya tidaklah kosong, tetapi ia meru-

pakan pertanda atau isyarat tentang adanya kebolehan dan kejayaan para belia dalam menghadapi cabaran-cabaran di dalam perkhemahan.

Para belia hendaklah azam untuk dapat menyumbangkan jasa bakti kepada negara dan masyarakat. Mereka mestilah gigih dan ikhlas untuk itu. Janganlah disia-siakan masa muda yang berpotensi. Gunakan ia sebagai kesempatan untuk membina dan menjulang bangsa ke mercu kegemilangan. Bahkan bukan saja kita menginginkan kegemilangan, malahan juga kemuliaan dan kehormatan di sisi Allah dan manusia.

Untuk mengakhirinya, beta sukacita menyeru kepada para belia agar menajadikan perkhemahan ini sebagai wadah untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman masing-masing, dengan konsep akan terus menggali dan mencari apa saja yang baik dan bernilai untuk bangsa dan negara.

Dengan harapan semua akan berjalan dengan baik, maka dengan ini beta rasmikan Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei 2001 ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Julang, harumkan nama negara

Dari muka 1

"Andai kata di saat-saat akhir ini terdapat atlet-atlet yang mengalami kecederaan dan telah disahkan oleh pakar perubatan bahawa atlet berkenaan tidak dapat bertanding dengan baik disebabkan kecederaan, jurulatih bolehlah memilih atlet simpanan yang seimbang tahap pencapaiannya dengan atlet yang terpaksa diganti," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Dalam pada itu, Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan para atlet supaya memaklumkan apa jua jenis ubat, vitamin dan 'food supplement' yang dimakan atau suntikan yang diambil kepada pegawai perubatan kontinjen negara, supaya jenis-jenis ubat berkenaan dapat dikenal pasti bagi mengelakkan berlaku kemungkinan atlet-atlet dikesan 'positive' dengan 'doping'.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan semua atlet supaya bekerja

keras dan menjalani latihan yang berterusan ke arah meningkatkan pencapaian yang lebih baik.

Dalam mana-mana pertandingan, sabda Duli Yang Teramat Mulia, konsep pertandingan yang terkini adalah yang perlu diambil kira, dan apa jua pencapaian dan kemenangan yang lalu perlu ditandai dengan penuh hati-hati supaya atlet-atlet yang lain tidak mampu menandingi kehandalan yang telah dibuktikan dalam pertandingan yang lalu.

Dari muka 1

"Kepimpinan bukanlah suatu keistimewaan tetapi ia adalah tanggungjawab. Pemimpin hendaklah terlebih dahulu mendisiplinkan dirinya, sehingga jangan sampai dikatakan, 'mengata dulang paku serapih, mengata orang aku yang lebih atau 'cakap tidak serupa bikin'." kata Yang Berhormat.

Menjelaskan mengenai tanggungjawab pemimpin, Yang Berhormat menekankan mereka hendaklah membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara yang dipimpinnya dengan menunaikan tanggungjawab dalam perkara-perkara fardu kifayah.

Antaranya ialah dengan mengutamakan kepentingan ilmu pengetahuan, kemahiran, pembangunan prasarana, memantapkan ekonomi, mewujudkan kesejahteraan serta menghindarkan kemudarat.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat juga menasihatkan para penuntut agar melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, menghiiasi diri dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, memperkukuhkan akidah, memperbanyakkan amal ibadat dan amal-amal kebajikan serta beristiqamah untuk mendapatkan pertolongan Allah Subhanahu Wataala.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-44 Tahun. Juga kelihatan ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Salman Ahmad dan isteri. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duta Besar Viet Nam ke negara ini, TYT Tuan Tran Tien Vinh memotong kek sempena sambutan Hari Kebangsaan Viet Nam. - Gambar oleh Harun HR.

Brunei - Malaysia buka peluang k'sama baru

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 1 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, menghargai kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang sedang memulakan satu rangka kerja yang kukuh.

Dengan rangka kerja itu, legasi persahabatan tradisi dan kerjasama yang sudah lama terjalin akan boleh membuka peluang-peluang baru kepada masyarakat kedua negara.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika berangkat menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-44 Tahun, di Pusat Persidangan Antara-bangsa (ICC), Berakas. Berangkat sama Yang Teramat

Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, antara konsultasi tahunan di antara ketua kerajaan hinggalah kepada kerja yang melibatkan pegawai-pegawai kedua-dua negara yang mencakupi pelbagai kerjasama telah dikembangkan lagi, baik dalam hubungan dua hala dan menjadi ahli dalam banyak organisasi, baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Duli Yang Teramat Mulia juga berharap kedua-dua negara perlu banyak bekerjasama sebagai sahabat tradisi.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, bukanlah menjadi rahsia kedua-dua negara menghadapi pelbagai cabaran khusus. Ia meliputi semua aspek awam terutamanya kerana hebatnya persaingan semula jadi bagi pembangunan ekonomi moden.

"Apa yang perlu dikira bagi kedua negara ialah melihat bagaimana kedua negara bersama bagi membantu masyarakatnya meraih lebih dari kemerdekaan negara masing-masing. Dengan kata lain membantu mereka dengan cara terbaik bagi membangun bakat dan inisiatif mereka sendiri dan menjadikan merdeka secara peribadi dan praktikal," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sementara itu dalam ucapan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Tuan Salman Ahmad antara lain berkata Malaysia dan Negara Brunei Darussalam haruslah lebih jauh meningkatkan kerjasama dan bekerja lebih erat bagi mengukuhkan kekuatan dan manfaat perbandingan.

Kedua negara harus berterusan bagi saling membantu untuk mencapai visi dan aspirasi masing-masing, Malaysia kekal terbuka bagi bekerjasama dalam semua bidang baik di dalam hubungan dua hala dan peringkat pelbagai hala, kata TYT.

TYT juga melahirkan kegembiraan dengan perkembangan kerjasama di antara perkhidmatan awam dan ketenteraan kedua negara yang di tahap cemerlang.

Menurut TYT lagi, banyak program-program bersama yang melibatkan kedua pegawai dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah membawa rangka kerja yang rapat dan persefahaman.

TYT juga berharap dengan hubungan yang cemerlang itu ia akan lebih erat untuk mencapai cabaran-cabaran baru.

Majlis bermula dengan lagu kebangsaan kedua negara dimainkan dan kemudian diikuti dengan upacara memotong kek oleh Duli Yang Teramat Mulia dan Duta Besar Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Trap Tien Vinh.

TINGKATKAN KERJASAMA BRUNEI - VIET NAM

Oleh Haji Ahmad HS

Berakas, 1 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, masa sekarang merupakan ruang yang terbaik untuk meningkatkan lagi kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam.

"Kita mempunyai masa apa yang dipanggil permulaan penjelajahan. Kita sekarang dapat melihat masa hadapan dalam mana Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dalam merapatkan antara satu sama lain seperti rakan kerjasama dan mungkin lebih penting ialah sebagai rakan kongsi yang sama berharap dan bercita-cita untuk rakyat rantau kita," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Sambutan Hari

Kebangsaan Viet Nam Ke-56 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

"Kita telah sama-sama menjadi ahli ASEAN, yang mana saya masih ingat detik bersejarah dalam tahun 1995," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

"Bagi kami di Negara Brunei Darussalam detik itu merupakan masa yang bersejarah dalam hubungan Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Terdahulu dari itu, Tuan Yang Terutama Tuan Tran Tien Vinh berkata, setakat ini negaranya telah menjalin hubungan diplomatik dengan 167 negara, hubungan perdagangan dengan 154

negara dan wilayah-wilayah dan Viet Nam juga menjadi ahli yang aktif dalam ASEAN, APEC, ARF, ASEM, FEALAC dan organisasi dunia yang lain.

Menurut TYT, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam merupakan salah sebuah negara sahabat yang paling rapat dengan negaranya.

Kedua-dua negara jelas TYT, juga bekerjasama dengan rapat dalam pelbagai bidang termasuk perkongsian perairan Laut China Selatan.

Semasa dekad yang terakhir pembangunan, Viet Nam berbangga kerana menjalin hubungan rapat dengan Negara Brunei Darussalam di mana Viet Nam telah menjadi salah sebuah negara ahli penuh ASEAN dan upacaranya telah berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

Viet Nam telah mendapat sokongan yang kuat daripada Negara Brunei Darussalam dalam usaha menyokong Viet Nam untuk menjadi ahli ASEAN, ASEM dan sekarang dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Menurut TYT lagi daripada sebuah negara yang kerap kali kekurangan makanan, Viet Nam sekarang adalah merupakan negara mengekspor beras yang kedua terbesar di dunia.

Di majlis itu, lagu kebangsaan kedua negara dimainkan dan kemudian diikuti dengan upacara memotong kek oleh Duli Yang Teramat Mulia dan Duta Besar Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Trap Tien Vinh.

SENYUM BUDIMAN



"PATUHLAH PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA"

Penetapan Jawatan P'suruhjaya Polis



BERAKAS, 31 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan ditetapkan dalam jawatannya selaku Pesuruhjaya Polis.

Baginda seterusnya memperkenankan bagi Penolong Pesuruhjaya Polis Kanan, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri tersebut, penetapan jawatan dan lantikan pegawai-pegawai berkenaan bermula pada 1 September, 2001.

Kebawah DYMM menerima mengadap tokoh Islam

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap beberapa tokoh Islam yang mengambil bahagian dalam forum dan ceramah Islam di Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Rombongan mengadap itu diketuai oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sepuluh orang tokoh terkemuka Islam terdiri daripada ahli panel dan penceramah dari seluruh dunia menyampaikan ceramah agama dan kewangan di Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang sedang diadakan di negara ini.

Mereka yang mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah terdiri daripada Yusof Islam, Dr. Javad Ahmad, Dr. Noor Al-Kadood, Dr. Omer Senker Ilcaly, Profesor Dr. Shabbir Hussain, Dr. Warsama Ghalib, Sheikh Babakar, Jamal Anthony Green, Haji Mohd. Roslan bin Haji Mohd. Daud dan Tuan Robert Miller.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menghadiri ceramah khas anjuran Kementerian Pendidikan, sambil diiringi oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Zaharah (atas).

CERAMAH khas anjuran Kementerian Pendidikan dengan memfokuskan penceramah undangan dari United Kingdom, Yusof Islam (kanan) iaitu salah seorang penceramah undangan di Sesi Forum Sedunia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap beberapa tokoh Islam yang mengambil bahagian dalam forum dan ceramah Islam sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berkenan hadir ceramah khas anjuran Kementerian Pendidikan

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 30 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menghadiri ceramah khas anjuran Kementerian Pendidikan dengan memfokuskan seorang penceramah undangan dari United Kingdom, Yusof Islam, yang merupakan salah seorang penceramah undangan di Sesi Forum Islam Sedunia sempena Ekspo Islam Antarabangsa.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi penganjur yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia



Haji Awang Abdul Aziz dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Zaharah binti Haji Idris.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Yusuf Islam dalam ceramahnya berkata, jika dilihat kepada sejarah awal Islam, agama, jelasnya, merupakan faktor penting sebagai penggerak kepada penyelidikan dan pengetahuan.

Sebagai salah seorang pemeluk agama Islam, beliau penuh percaya, agama Islam itu adalah agama yang selamat yang banyak memberikan pengetahuan kepada umatnya.

Bagi dirinya sendiri, setelah mengenal Islam, Al-Quran, katanya, merupakan pelajaran yang mula dipelajarinya dan banyak memberikan pengetahuan tentang keistimewaan Islam yang telah dise-

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan berangkat di Majlis Ceramah Khas anjuran Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. - Gambar oleh Halim HS.

barkan melalui para rasul dan nabi pesuruh Allah di awal sejarah Islam.

Berbalik kepada pendidikan Islam ini, beliau berpendapat adalah tidak mustahil untuk mewujudkan institusi pendidikan Islam yang berperanan untuk mengenalkan semula konsep proses pembelajaran yang bermula dari Islam.

Di merata dunia ketika ini, lebih banyak institusi pendidikan Islam telah wujud. Di Amerika, jelas beliau, terdapat kira-kira 400 sekolah

atau pengajian-pengajian Islam, lebih 80 di United Kingdom, kira-kira 50 di Afrika Selatan, lebih 40 di Belanda dan beberapa buah lagi di Australia.

Dengan kewujudan institusi-institusi pendidikan Islam di merata tempat di dunia ini, institusi Islam juga menurut beliau tidak ketinggalan untuk sama merah kecermerlangan seperti yang pernah dikecapi oleh salah sebuah sekolah menengah Islam di London yang berjaya memperlihatkan seratus peratus lulus.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Daruliftah bagi menghadiri sesi Forum Islam Sedunia (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Ekspo Islam Antarabangsa 2001.

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO dan
Harun HR

Berkenan berangkat hadiri Forum Islam Sedunia

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke salah satu sesi Forum Islam Sedunia yang merupakan sebahagian daripada aktiviti Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia di Jabatan Mufti Kerajaan di sini dijunjung oleh Mufti Kerajaan Negara

Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Pengerusi Jawatankuasa Indung Ekspo Islam Antarabangsa Pertama serta ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Yusuf Islam dalam forumnya yang bertajuk 'Penyebaran Pengetahuan Agama Islam' melahirkan rasa kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wataala atas pertunjuk membukakan pintu hatinya untuk memeluk dan seterusnya mempelajari agama Islam.

Bercakap mengenai era digital masa kini, beberapa perkara menurutnya perlu diambil perhatian di mana antaranya ialah membuat kurikulum yang perlu dalam kelas, melatih guru-guru dan menjadikan mereka berkemahiran di samping membuat atau menulis buku-buku panduan bagi guru-guru Islam dalam melaksanakan peranan mereka.

"Kita perlu menulis lebih banyak buku yang akan menjadi bahan bacaan kepada mereka yang bukan Islam. Kita perlu menyaingi buku-buku yang ada yang mengandungi corak penyampaian yang lebih baik," jelasnya dalam membangkitkan semangat penulis-penulis untuk menulis buku-buku yang menjurus kepada kepentingan umat Islam keseluruhannya.

Sementara itu, peranan media masa juga katanya, mempunyai pengaruh yang kuat yang boleh menyebarkan apa jua bentuk maklumat secara terus-menerus dan kini memfokuskan perhatian kepada para belia.

Dalam penyebaran pengetahuan Islam ini, Yusuf Islam menyarankan agar umat Islam sentiasa bersatu padu dan mempunyai semangat yang kuat.

Yusuf Islam memeluk agama Islam pada tahun 1977 dan merupakan pengasas kepada beberapa buah sekolah Islam yang bermula dari penubuhan Sekolah Rendah Islam di United Kingdom dan menjadi sekolah Islam pertama di Britain.

Beliau juga adalah pengasas Sekolah Menengah Islam Perempuan dan Pusat Tingkatan Enam Maktab Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dengan penuh minat mendengarkan forum Islam yang disampaikan oleh Yusuf Islam.



PARA peserta dari dalam dan luar negeri yang menghadiri Forum Islam Sedunia sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang diadakan di Bangunan Daruliftah, Jabatan Mufti Kerajaan, Jalan Babu Raja.



YUSUF Islam (kiri), ketika menyampaikan forumnya yang bertajuk 'Penyebaran Pengetahuan Agama Islam'. Juga kelihatan ialah para ahli panel yang lain.

Program Pertukaran Lawatan Brunei - Singapura



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah mengadakan jamuan tengah hari kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar dan rombongan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

DPPW raikan rombongan Singapura

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah telah mengadakan jamuan tengah hari bagi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Professor S. Jayakumar dan rombongannya yang berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

TYT berada di negara ini bagi mengetuai delegasi Republik Singapura ke

Program Pertukaran Lawatan Ke-8 antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Turut serta dalam rombongan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Tuan Wong Kan Seng; Menteri Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Masyarakat dan Sukan, TYT Tuan Abdullah Tarmugi, beberapa orang Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Tetap Republik Singapura.

Pertukaran lawatan Brunei - S'pura HUBUNGAN DUA HALA DIPERTINGKAT

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus mengukuhkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang dengan mengadakan pertukaran lawatan peringkat menteri di antara kedua negara.

Sehubungan dengan itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng membuat kunjungan muhibah kepada Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di pejabat Yang Berhormat.

Selain itu, Menteri Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Masyarakat dan Sukan, Tuan Yang Terutama Tuan Abdullah Tarmugi mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain dan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Di samping itu Pemangku Menteri Persekutuan dan Menteri Negara Bagi Komunikasi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menerima kunjungan muhibah Menteri Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Masyarakat dan Sukan, Tuan Yang Terutama Tuan Abdullah Tarmugi. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

dan IT Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Lim Swee Say pula membuat kunjungan kepada Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat di pejabatnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali pula menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Parlimen

Kanan Bagi Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Zainul Abidin Rasheed di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat di Empire Hotel and Country Club pada 24 Ogos.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Lim Siong

Guan juga membuat kunjungan muhibah kepada Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Dato Paduka Haji Adanan di Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Di tempat yang sama TYT juga membuat kunjungan muhibah kepada kedua Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Yakub dan Pengiran Dato Paduka Haji Maidin.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerima kunjungan muhibah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Pertukaran lawatan eratkan hubungan

Oleh Abu Bakar HAR

JERUDONG, 23 Ogos. - Hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura akan terus erat dengan adanya pertukaran lawatan antara pegawai-pegawai kanan kerajaan serta pihak swasta antara kedua buah negara.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang

Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berucap di Majlis Makan Malam bagi meraikan para delegasi dari Republik Singapura bagi Program Pertukaran Lawatan Brunei - Singapura Ke-8 bagi mewakili kerajaan dan sektor swasta Negara Brunei Darussalam di Kelab Polo Jerudong di sini.

Majlis diserikan dengan persembahan hiburan daripada artis-artis tempatan dengan iringan muzik daripada Kum-pulan Senandung Muhibah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis tersebut dihadiri oleh beberapa orang menteri, pegawai-pegawai kanan serta beberapa orang wakil daripada sektor swasta kedua-dua buah negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menerima kunjungan muhibah TYT Tuan Abdullah Tarmugi, Menteri Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Masyarakat dan Sukan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad menerima kunjungan Pemangku Menteri Persekutuan dan Menteri Negara Bagi Komunikasi dan IT Singapura, TYT Tuan Lim Swee Say. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

BRUNEI - FILIPINA CAPAI BEBERAPA PERSEPAKATAN

BERAKAS, 23 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina mencapai beberapa persepakatan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial sempena lawatan negara Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo ke negara ini.

Bercakap dalam satu sidang media, Presiden Republik Filipina itu antara lain menyatakan bahawa kedua belah pihak bersetuju meningkatkan hubungan kerjasama di bidang ekonomi di mana kedua buah negara akan terus mempromosi dan menyediakan kemudahan perdagangan dan pelaburan dalam konteks kawasan Pertumbuhan Ekonomi ASEAN Timur-Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Kenyataan bersama itu juga menekankan, kedua belah pihak bersetuju untuk meneruskan dan meningkatkan suasana persekitaran kerjasama yang wujud dengan masing-masing berusaha ke arah menyiapkan cadangan perjanjian mengenai penghapusan cukai bertindih dan mengelakkan cukai fiskal berkaitan pendapatan yang sedang dalam perundingan.

Perkara lain yang diberikan penekanan termasuklah mengemaskini dan meningkatkan lagi hubungan perdagangan ke arah yang lebih dinamik dengan mempelbagaikan produk yang diperniagakan secara lebih berkesan.

Bidang-bidang kerjasama dalam rangka kerja umum yang telah siap atau masih dalam proses akan diteruskan dan dilaksanakan termasuk bidang pertanian, perikanan, perkhidmatan udara, pengangkutan dan perhubungan, tenaga, pelancongan di samping pendidikan dan keselamatan.

Juga dialu-alukan ialah penandatanganan Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama pertahanan dan pengiktirafan sijil-sijil kecakapan pelaut bagi perkhidmatan kapal-kapal yang didaftarkan di Brunei Darussalam ke arah meningkatkan lagi kerjasama yang sedia wujud.

Kerjasama masa depan juga akan difokuskan kepada aktiviti-aktiviti dalam bidang seperti jenayah termasuk lanun, pengedaran wanita dan kanak-kanak, dadah dan penyeludupan senjata, keganasan di samping jenayah siber dan memperakui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) perlu diberikan perhatian bagi kerjasama masa hadapan.

Di sidang media yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo menjelaskan Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina mencapai persefahaman dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. - Gambar oleh Pengiran Rafee POPHM.

TPOR JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BIL	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pemantauan pengajaran dan pembelajaran TPOR: a) Penilaian semula prestasi pengajaran seorang guru yang pada keseluruhannya belum mencapai tahap yang dijangkakan mengikut sukut-sukat atau kriteria yang telah ditetapkan.	Pemantauan dilakukan dari masa ke semasa dalam tempoh 6-12 bulan
2.	Memata-matai pelajaran sekolah oleh Nazir Pengawas: a) Kekerapan melawat sekolah-sekolah rendah dan menengah yang dipertanggungjawabkan kepada nazir-nazir; b) Makluman lawatan rutin kepada sekolah-sekolah; dan c) Makluman pembatalan lawatan rutin	Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun 1-2 minggu sebelum lawatan Segera.
3.	Menyediakan laporan perkembangan pengajaran dan pembelajaran berhubung pengajaran mata pelajaran khusus, peringkat menengah, rendah dan pra pada setiap akhir tahun: a) Penyediaan laporan	8 minggu setelah selesai menjalankan penilaian penuh sekolah kira-kira dalam bulan Oktober.
4.	Memantau dan meneliti kesesuaian satu-satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah a) Penyediaan laporan	6-9 bulan

Melawat Ekspo Islam Antarabangsa

Oleh Siti Muslihat HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan suami, Attorney Jose Miguel Arroyo, semasa berada di negara ini mempunyai atur cara yang padat.

Di sebelah petang hari kedua lawatan negara, Puan Yang Terutama dan rombongan juga tidak ketinggalan untuk melawat Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 di Jabatan Mufti Kerajaan.

Puan Yang Terutama mula-mula dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah yang mempamerkan gambar-gambar dan artifak-artifak yang dimansuhkan kepada Rasulullah serta sahabat-sahabat Baginda.

Balai pameran itu juga menempatkan koleksi istimewa Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang antaranya ratusan manuskrip, mushaf, tasbeih dan tongkat.

Ruang pameran yang juga sempat dilawati ialah pameran mengenai perkembangan Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam yang didalamnya juga mengetengahkan sejarah penubuhan dan fungsi Jabatan Mufti Kerajaan.



PUAN Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan suami tertarik menyaksikan koleksi tongkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dipamerkan di Ekspo Islam Antarabangsa. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

itu, Presiden Republik Filipina juga menyatakan bahawa masih banyak ruang yang boleh dilakukan untuk mengembangkan dan memperdalamkan lagi hubungan dua hala antara kedua belah pihak.

Ke arah itu, tegasnya, hubungan antara pegawai-pegawai peringkat tertinggi hendaklah dikedepikan bagi meneruskan proses dialog dan konsultasi ke arah bidang-bidang kerjasama di masa hadapan termasuklah mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Mengenai Kerjasama Dua Hala Antara Brunei Darussalam dan Republik Filipina (JCBC) bagi menilai secara menyeluruh kerjasama yang lepas serta mengambil langkah-langkah perlu bagi masa hadapan.

JCBC yang ditubuhkan bagi menyediakan rangka kerja hubungan dua hala boleh dilaksanakan pada tahun 2002 dengan hasrat untuk mewujudkan program kerjasama dua hala yang menyeluruh bagi jangka masa sederhana dan jangka panjang.

Persetujuan juga dibuat agar persefahaman mendalam antara rakyat kedua buah negara sentiasa dipupuk di samping menyedari bahawa rakyat Republik Filipina yang bekerja di negara ini telah memberikan sumbangan yang berharga dalam usaha pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Pertukaran pandangan mengenai isu-isu chwal semasa, serantau dan antarabangsa juga diberikan perhatian sambil mengukuhkan lagi komitmen ke arah hasrat dan objektif ASEAN seperti yang digariskan dalam Deklarasi Bangkok 1967 terutamanya yang diharapkan menyumbang kepada keamanan, pembangunan dan ke-

Oleh Sahari Akim

sejahteraan di rantau ini.

Puan Yang Terutama di sidang media itu juga melahirkan penghargaan atas sokongan kepada negaranya dalam usaha mewujudkan keamanan, kestabilan dan pembangunan di Selatan Filipina.

Menurut Puan Yang Terutama, kedua belah pihak juga mengulangi komitmen bersama ke arah mencapai matlamat yang telah digariskan di bawah Visi ASEAN 2020 seperti yang terkandung dalam Pelan Tindakan Hanoi (HPA).

Kedua buah negara mengakui bahawa Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan November 2001 akan menjadi sesuatu yang bermakna dalam sejarah ASEAN, bilamana persatuan itu akan membuat penilaian separuh penggal terhadap HPA di samping menentukan arah tuju yang perlu diambil bagi masa hadapan.

Republik Filipina menaruh keyakinan bahawa Negara Brunei Darussalam selaku pengerusi dan tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN akan datang berkeupayaan mengendalikannya di samping menyediakan agenda perbincangan sidang tersebut dengan jayanya.

Komitmen kedua buah negara bersetuju untuk terus mengiktirafkan BIMP-EAGA yang menjurus kepada integrasi dan pembangunan seimbang bagi rantau ini sambil berharap akan dapat melaksanakan lebih banyak projek kerjasama dalam konteks BIMP-EAGA bagi menajana pertumbuhan aktiviti per-

dagangan dan pelaburan di kawasan tersebut.

Menyentuh isu Laut China Selatan, kedua belah pihak mengulangi komitmen bagi menyelesaikan pertikaian tersebut selaras dengan prinsip-prinsip yang diperakui oleh undang-undang antarabangsa - Deklarasi ASEAN 1992 mengenai Undang-undang Laut sambil berharap agar penyelesaian awal akan dapat dilakukan.

Ketika diajukan mengenai pelawaan Republik Filipina bagi penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam konsortium petrokimia di negara tersebut, Puan Yang Terutama berkata sambutan Kerajaan Brunei sangat menggalakkan dan satu delegasi pegawai kanan kerajaan akan dihantar ke Filipina tidak lama lagi untuk meninjau projek tersebut secara lebih dekat.

Melawat Bubungan 12

Oleh Siti Muslihat HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Ogos. - Sempena lawatan Presiden Republik Filipina ke negara ini, beberapa tempat menarik dan bersejarah turut menjadi perhatian rombongan dari Republik Filipina itu.

Dalam lawatan berasingan, di hari pertama keutamaan, Attorney Jose Miguel Arroyo, suami Presiden Republik Filipina telah mengadakan lawatan ke Bubungan 12, sebuah lokasi yang mempunyai sejarah hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom sebelum dan sesudah merdeka.

Bangunan itu yang merupakan salah sebuah bangunan tertua dijadikan sebagai tempat bersejarah yang mempamerkan jalinan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom dari abad ke-17 sehingga kepada perkembangan abad ke-20.

Bagaimanapun sempena lawatan terse-

but, beberapa koleksi gambar juga dipamerkan termasuk 15 keping koleksi gambar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lebih 30 keping gambar dari ahli-ahli Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam.

Atorney Jose Miguel Arroyo yang juga merupakan sebagai seorang penggemar fotografi semasa berada di sana mengambil kesempatan merakamkan gambar kebudayaan negara ini melalui seni tarian dalam lanser kameranya sendiri.

Selain bidang fotografi, tarian, bola keranjang, bola tampar, renang, meluncur angin dan golf juga turut menjadi kegemarannya.



SUAMI Presiden Republik Filipina, Attorney Jose Miguel Arroyo menyaksikan koleksi gambar dari ahli-ahli Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam yang dipamerkan di Bubungan 12. - Gambar oleh Abdullah HAD.

LAWATAN KERJA P REPUBLIK INDONESIA

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan meraikan tetamu negara Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri dan suaminya Bapak Taufiq

Kiemas dalam Majlis Jamuan Santap Malam di Istana Nurul Iman di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Oleh Aliddin HM
Haji Ahmad HS dan Abu Ba
Gambar-gambar oleh Ha
Masri Osman dan Haji Masri

Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta lain-lain kerabat diraja.

Presiden
nesia ber
lawatan k
dan mer
yang per
sejak mer
pemerinta
Presiden
pada 23 J

Puan Y
tai oleh
Loar, Tu
N. Hass
beberapa

Negara
adalah de
pada ser
ASEAN
dan lawa
Republik
Malaysia

Preside
sia, Puan
Megawati
meningg
26 Ogos
adakan l
dua hari

Berang
Terbang
bagi me
belayar k
ta Pertam
itu ialah
Mulia Pa
Perdana
Himmah
Muda Mo
Yang Ter
Anak Isteri
Hajah Za

Juga n
belayar
Kebudaya
Yang Ber

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda kepada Puan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia dan suami (atas). Sementara gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berbul mesra bersama seorang rombongan Presiden Republik Indonesia. Manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan meraikan Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri dan suaminya Bapak Taufiq Kiemas di Majlis Jamuan Santap Malam di Istana Nurul Iman. Berangkat sama di majlis itu ialah putera-putera dan adinda-adinda baginda serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.



RESIDEN SIA

HAR
IS
HMA

gubik Indo-
nira mi bagi
dua hari.
awatanya
negara mi
hah tampak
pada bekas
man. Wahid
y lalu.

utama diser-
Hal Ehwal
utama Dr.
Wiguda serta
kabinetnya.

ri Darussalam
ketujuh dari-
buah negara
konjunginya
derusnya ke
apura dan

ublik Indone-
te. Terutama
noputri telah
gara ini pada
telah meng-
kerja selama

Lapangan
angsa Brunei
an selamat
residen Wani-
rik Indonesia
Yang Teramat
Seri Pengiran
Sahibul
agar Pengiran
Bolkiah dan
Maha Pengiran
ngiran Anak

Apkan selamat
Ankiah Menteri
Risa dan Sukan.
Pehin Orang

Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awg Hussain selaku Menteri Pengiring dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali berserta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Republik Indonesia di negara ini.

Antara aturcara lawatan kerja Puan Yang Terutama termasuklah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mengadakan perbincangan empat mata bersama baginda di Istana Nurul Iman.



PERSAHABATAN antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia memang sekian lama terjalin. Gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berjabat mesra bersama Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri sebelum tetamu negara itu meninggalkan Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merayakan Presiden Republik Indonesia di Majlis Jamuan Santap Malam.



BAGINDA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berjalan beriringan bersama Presiden Republik Indonesia di ruang khas Istana Nurul Iman bagi Majlis Jamuan Santap Malam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri melambai mesra Presiden Republik Indonesia sejeurus selepas Majlis Jamuan Santap Malam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah mengucapkan selamat belayar kepada Presiden Republik Indonesia dan suami (kiri). Sementara gambar atas, berangkat sama di Majlis Mengadap ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda. Juga hadir ialah rombongan Presiden Republik Indonesia.

SEMPENA EKSPLO ISLAM ANTARABANGSA PERTAMA

Perpustakaan Islam Brunei Darussalam terima sumbangan 250 buah buku

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Ogos. - Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan menerima buku-buku daripada Persatuan Islam Republik Rakyat China berlangsung di jabatan tersebut di sini.

Sumbangan tersebut diterima oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dari Haji Chang Guang Lin, Pengarah Penyelidikan Jabatan Ehwat Islam, Persatuan Islam Republik Rakyat China.

Sebanyak 250 buah buku mengandungi 10 tajuk telah disumbangkan oleh persatuan tersebut yang akan dapat menambah koleksi buku-buku perpustakaan tersebut.

Perpustakaan berkenaan telah dibuka dengan rasminya bersempena Pe-

Oleh Sahari Akim

rasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Ogos lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di perasmian ekspo tersebut antara lain menekankan mengenai penguatkuasaan Perpustakaan Islam Brunei Darussalam yang mempunyai agenda ilmu meliputi tiga program utama seperti mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat meliputi semua mazhab di dalam pelbagai bahasa di samping mengembang serta menyebarkan sekali.

Antara koleksi buku-

buku yang terdapat di perpustakaan tersebut pada masa ini termasuklah fatwa-fatwa, hadis, fiqh dan banyak lagi terbitan terbitan lain Jabatan Mufti Kerajaan di samping terdapatnya buku-buku ber-corak keagamaan yang boleh dimanfaatkan sebagai rujukan.



MUFTI Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima sumbangan buku-buku daripada Persatuan Islam Republik Rakyat China yang disampaikan oleh Pengarah Penyelidikan Jabatan Ehwat Islam, Persatuan Islam Republik Rakyat China, Haji Chang Guang Lin. - Gambar oleh Harun HR.

250 hadir Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Ogos. - Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara sebahagian dari acara Ekspo Islam Antarabangsa Pertama berlangsung selama empat hari dengan pembentangan kertas-kertas kerja dari para ulama, ilmuwan dan cendekiawan Islam Nusantara.

Seminar bertemakan 'Ke Arah Memelihara Khazanah Ilmu Islam' antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai senarai kitab-kitab, manuskrip,

buku-buku dan bahan-bahan rujukan Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu yang relevan sebagai langkah ke arah melaksanakan agenda Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu pengetahuan Islam.

Selain dari itu, ia juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran menghargai ilmu dan kitab-kitab turath ulama Nusantara, di samping untuk mewujudkan kemungkinan menjalin kerjasama serantau dalam pengumpulan, pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan Islam.

Diharapkan hasil dari seminar itu tidak hanya akan memberi manfaat kepada umat Islam di

negara ini, malah juga umat Islam di rantau ini ke arah menyuburkan bidang kajian, penyelidikan, pengumpulan, pemeliharaan dan penyebaran khazanah ilmu Islam yang merupakan kekayaan Nusantara.

Skop penulisan kertas kerja berkisar mengenai kajian perkembangan ilmu-ilmu Islam mengikut kawasan seperti Kepulauan Sumatera (Acheh, Minangkabau, Palembang dan lain-lain); Pulau Jawa dan Madura; Pulau Borneo (Sabah dan Sarawak, Brunei dan Kalimantan); Sulawesi dan Indonesia Timur; Semenanjung Malaysia, Thailand Selatan, Kemboja dan lain-lain kawasan Asia Tenggara.

Sementara itu, ia juga menekankan mengenai kajian perkembangan ilmu-ilmu Islam di Nusantara mengikut jenis ilmu termasuk Tafsir Al-Quran dan Ulum Quran, Hadis dan Ulum Hadis, Fiqh dan Usul Fiqh, Akidah dan Ilmu Qalam, Tasawuf dan Akhlak, Ilmu-ilmu Bahasa Arab dan lain-lain.

Selain dari itu, kajian juga berkisar mengenai ulama-ulama Islam yang berpengaruh dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam di Nusantara pada masa lalu sehingga akhir abad 14 Hijrah/1980 Masihi seperti Ar-Raniri (abad 17-Acheh); Abdus Samad Palembang (abad 18 - Palembang); Arsyad Banjar (abad 18 - Kalimantan Selatan); Dawud Fatani (abad 19 - Thailand Selatan); Tok Kenali (abad 19 - Kelantan); Muhammad Nawawi (abad 19 - Banten); Muhammad Mahfuz Tarmasi (abad 19 - Pachitan); Hashim Asy'ari (abad 20 - Jombang); Bisri Mustofa (abad 20 - Rembang) dan lain-lain.

Oleh Sahari Akim

Dalam pada itu, seminar juga menekankan mengenai kajian ke atas kitab-kitab yang dihasilkan oleh ulama-ulama Nusantara pada masa silam sehingga akhir abad ke-14 Hijrah/1980 Masihi seperti Mata 'Al-Badrayn (abad 19); Terjemah Tafsir Al-Baydawi (abad 17); Tafsir Al-Munir (abad 19); Mawhibah Al-Fadl dan Manhaj Dhawi An-Nazar (abad 19); Sayrus Salikin (abad 18); Sabil Al-Muhtadin (abad 18); Siraj Al-Talibin (abad 20); Tafsir Al-Ibriz (abad 20) dan lain-lain.

Juga dipilih ialah bibliografi manuskrip kitab-kitab lama di kawasan tertentu seperti Acheh, Pulau Jawa, Semenanjung Malaysia dan lain-lain.

Semua hasil kertas kerja seminar ini akan dibukukan dan diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan yang akan dikendalikan oleh sebuah panel yang dilantik untuk menyunting dan menyelaras bagi faedah dan kesesuaian penerbitannya.

Buku tersebut nanti dijangka akan dapat menjadi rujukan dan kajian lanjut oleh para ilmuwan dan sarjana.

Antara tajuk-tajuk kertas kerja dan pembentangan termasuklah 'Perkembangan Penulisan Perundangan Islam Di Negara Brunei Darussalam Sebelum dan Selepas Penjajahan' oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon (Negara Brunei Darussalam); 'Perkembangan Ilmu Qalam Di Alam Melayu: Kajian Khusus Aliran Ahli Sunnah Wal-

Jamaah dan Pengaruhnya Di Malaysia' oleh Profesor Dato Dr. Abdul Shukur Haji Husin (Malaysia); 'Pemikiran Islam Di Nusantara Dalam Perspektif Sejarah: Sebuah Sketsa' oleh Profesor Dr. Taufik Abdullah (Republik Indonesia) dan 'Perkembangan Ilmu Tasawuf Di Alam Melayu' oleh Ustaz Usman El-Muhammadi (Malaysia).

Kertas-kertas kerja lain ialah 'Ulama-ulama Di Kemboja dan Karyanya' oleh Sahib Samahah Haji Kamaruddin Yusof (Kemboja); 'The Islamic Cham In Viet Nam' oleh Mr. Ja Samad Han (Viet Nam); 'Jaringan Ulama-ulama Timur Tengah dan Nusantara Di Abad 17 - 20 Masihi' oleh Profesor Dr. Azyumardi Azra (Republik Indonesia); 'Ulama-ulama Singapura dan Perannya Dalam Pembangunan Ilmu-ilmu Islam' oleh Encik Sulaiman Jasman - Jeem (Singapura); 'Karya dan Tokoh Ulama Jawa dan Penulisan Keagamaan dan Intensifikasi Pengislaman Sejak Abad Ke-19' oleh Dr. Nik Arifin Mansurnoor (UBD Brunei).

Lain-lain kertas kerja ialah 'Peranan Ulama-ulama Pondok dan Karya-karya Penulisan Mereka Dalam Membangunkan Islam Di Malaysia' oleh Profesor Dr. Fadhlullah Jamil (Malaysia); 'Peranan Pondok Pasantren Dalam Perkembangan Ilmu-ilmu Islam Di Indonesia' oleh K.H.A. Mustofa Bisri (Indonesia); 'The Role Of The Ulama In Community Development In The Philippines' oleh Profesor Dr. Wadja K. Esmula (Filipina) dan 'Syekh Yusof Makasar dan Perannya



TOKOH-TOKOH dan karyawan dari Nusantara ketika membentangkan kertas kerja masing-masing di Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PARA peserta seminar yang terdiri daripada pensyarah institusi pengajian tinggi, ulama-ulama dan sarjan Asia Tenggara, siswas-siswi, para pendidik dan orang ramai yang menyertai Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

SEMPENA EKSPLO ISLAM ANTARABANGSA PERTAMA

TAIB sumbangkan tiket dan minuman kotak

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Ogos. - Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang diadakan di bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan telah menerima dua sumbangan dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Sumbangan pertama berupa tiket-tiket untuk menyaksikan ekspo tersebut bagi anak-anak yatim yang berdaftar dengan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Majlis berlangsung di Bangunan Darululfa.

Pengarah Urusan TAIB, Awang Haji Junaidi menyerahkan sumbangan itu kepada Pengarah Eksekutif bagi pihak Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas yang kemudiannya menyerahkan senarai nama kepada Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Oleh Abdullah Asgar

Tiket-tiket percuma juga diberikan kepada seorang penjaga bagi setiap keluarga anak-anak yatim. Ia merupakan sumbangan ikhlas kepada anak-anak yatim di negara ini siapa yang berlanggan dengan TAIB bagi membolehkan mereka menyaksikan ekspo berkenaan.

Sumbangan kedua ialah berupa minuman kotak yang dikhaskan kepada penuntut-penuntut sekolah yang mengunjungi ekspo itu.

Ia dibekalkan bermula 24 Ogos hingga 31 Ogos.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Urusan TAIB, Awang Haji Junaidi kepada Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



EKSPLO Islam Antarabangsa Pertama menarik perhatian dan kunjungan daripada pelbagai lapisan masyarakat Islam dalam dan luar negara. Gambar atas, kelihatan pembesar dari negara luar tertarik dengan koleksi tongkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dipamerkan di ekspo itu. - Gambar oleh Halim HS.

Sekretariat Khazanah Islam Nusantara ditubuhkan di Brunei

Oleh Siti Muslihat HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara empat hari sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 berakhir dengan pembentangan dan penyerahan resolusi seminar.

Di akhir seminar empat hari itu, beberapa resolusi telah berjaya dicapai, iaitu antaranya ialah menubuhkan Sekretariat Khazanah Islam Nusantara di bawah kelolaan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam sebagai mekanisme ke arah menjalin kerjasama serantau mengadakan penyelidikan pengumpulan, penerbitan, pengembangan dan penyebaran khazanah ilmu Islam Nusantara dalam pelbagai disiplin serta menyediakan dana khas bagi maksud pembiayaan pengendalian bahan-bahan rujukan Islam Nusantara.

Lain-lain perkara yang dipersetujui juga termasuk menjadikan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat rujukan dan penyelidikan khazanah ilmu Islam, khususnya di Nusantara dan menganjurkan wacana intelektual dari masa ke semasa secara berterusan bagi merapatkan jurang pemikiran di kalangan ulama Nusantara.

Resolusi seminar yang mengandungi dua belas perkara itu telah diserahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Seminar, Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman kepada Timbalan Mufti

Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Sebanyak 24 kertas kerja dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina, Kemboja dan Viet Nam telah dibentangkan.

Seminar itu bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai senarai kitab-kitab, manuskrip, buku-buku dan bahan-bahan rujukan Islam dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu yang relevan sebagai langkah ke arah melaksanakan agen, pendokumentasian dan Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu pengetahuan Islam.

Di samping itu, seminar juga dihasratkan untuk menimbulkan kesedaran menghargai ulama dan kitab-kitab turath ulama Nusantara serta mewujudkan kemungkinan kerjasama serantau dalam pengumpulan, pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan Islam.

Lebih 200 peserta menyertai seminar yang terdiri dari peserta tuan rumah, Malaysia, Republik Indonesia dan Kemboja.

Sambungan dari muka 10

Dalam Perkembangan Ilmu Keislaman Di Malesia' oleh Profesor Dr. Abdul Hamid (Indonesia).

Juga dibentangkan ialah 'Tokoh-tokoh dan Karya Ulama Patani Sebagai Rujukan Nusantara' oleh Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah (Malaysia); 'Mengenal Tokoh-tokoh Ulama Sabah dan Sarawak' oleh Profesor Madya Dr. Ismail bin Mat (Malaysia); 'Wibdatul Wujud - Martabat Tuhjuh Dalam Khazanah Kitab Lama dan Baharu' oleh Profesor Dr. Abdul Fattah Haron Ibrahim (Malaysia) dan 'Filsafat dan Pemikiran Islam Di Nusantara' oleh Profesor Madya Dato Dr. Siddiq Fadhl (Malaysia).

Turut dibentangkan termasuklah 'Perkembangan Ilmu-ilmu Islam di Patani-Thailand' oleh Profesor

Dr. Ismael Alee (Thailand); 'Perkembangan Ilmu-ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai Ke Sistem Persekolahan Modern 1931 - 1956' oleh Pengiran Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (Negara Brunei Darussalam) dan 'Perkembangan Ilmu-ilmu Keislaman Di Kalimantan' oleh Profesor Drs. H.M. Asywarie Syukur, LC (Indonesia).

Selebihnya termasuklah 'Perkembangan Penulisan Teks Syariah dan Perundangan Islam Di Malaysia' oleh Profesor Madya Dr. Mat Saat bin Abdul Rahman dan Haji Mat Akhir bin Haji Yaacob (Universiti Negara Brunei Darussalam - UBD); 'Penulisan Teks Akidah Dalam Naskah Jawa' oleh Dr. M. Machasin (Republik Indonesia); 'Latarbelakang Perkembangan

Keilmuan Islam: Dengan Tumpuan Khusus Kepada Penulisan Kitab/Manuskrip Jawi Di Nusantara' oleh Profesor Madya Dr. Mahayudin Haji Yahya (UBD); 'Perkembangan Ilmu-ilmu Keislaman Di Aceh' oleh Dr. Tengku H. Muslim Ibrahim M.A. (Republik Indonesia); 'Islam dan Tulisan Jawi: Sejarah dan Hubungannya Dengan Perkembangan Ilmu Di Brunei' oleh Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman (Negara Brunei Darussalam).

Antara lebih kurang 250 peserta yang menghadiri seminar itu termasuklah para pensyarah institusi pengajian tinggi, ulama-ulama dan sarjana Asia Tenggara, siswasiswi, para pendidik dan pihak-pihak yang berminat.



PARA peserta Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama khusus mendengarkan pembentangan kertas kerja. - Gambar oleh Halim HS.



EKSPLO Islam Antarabangsa Pertama juga menerima kunjungan daripada ahli-ahli Persatuan Orang-orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA). - Gambar oleh Halim HS.


Program Pertukaran Lawatan Brunei - Singapura



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerima piala rebutan Perlawanan Golf Persahabatan daripada Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar. - Gambar oleh Harun HR.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat menerima kunjungan muhibah Setiausaha Parlimen Kanan Bagi Hal Ehwal Luar Republik Singapura, TYT Tuan Zainul Abidin Rasheed. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Yakub (atas) dan Pengiran Dato Paduka Haji Maidin (bawah) menerima kunjungan muhibah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan Republik Singapura, TYT Tuan Lim Siong Guan.



Perlawanan Golf Persahabatan

JERUDONG. - Penyampaian hadiah bagi Perlawanan Golf Persahabatan dan jamuan perpisahan bagi menteri-menteri, setiausaha-setiausaha parlimen, setiausaha-setiausaha parlimen, setiausaha-setiausaha tetap dan ahli perniagaan sektor swasta Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam bagi pertukaran rancangan lawatan telah berlangsung baru-baru ini di Hotel Empire and Country Club, Jerudong di sini.

Oleh
Abu Bakar HAR

Hadir menyampaikan hadiah kepada para delegasi dari Republik Singapura dalam perlawanan persahabatan kali kedua itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Manakala Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar telah menyampaikan hadiah dan piala rebutan kepada delegasi Negara Brunei Darussalam selaku juara dalam perlawanan tersebut.

Rancangan pertukaran lawatan selama tiga hari itu diharap akan dapat mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua buah negara dan ahli-ahli perniagaan.

Muncul juara bagi pukulan yang dekat dengan pin nombor 4 dimenangi oleh Goh King Chin, dekat dengan pin nombor 16 disandang oleh Ahmad Isa dan dekat dengan garisan nombor 2 jatuh kepada Pengiran Dato Sharifuddin dan pukulan paling jauh ke lubang nombor 16 diperolehi oleh Alfred Sim.

Pemenang bagi 'best front nine' disandang oleh Elmer Chong dan 'best back nine' jatuh kepada Khoo Boon Hui.

Semua hadiah bagi acara tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.



PERLAWANAN Golf Persahabatan antara menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ahli perniagaan sektor swasta Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menerima kunjungan TYT Tuan Lim Siong Guan, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan Republik Singapura. - Gambar oleh Ramli Tengah.

WBC hadiri Mesyuarat APEC WLN

BERAKAS, 20 Ogos. - Seramai 20 orang ahli Majlis Perniagaan Wanita (WBC) berlepas ke Beijing China bagi menghadiri Mesyuarat Perniagaan serta Pameran Perniagaan-peniaga Kecil dan Sederhana (SME) bermula 22 hingga 30 Ogos.

Rombongan diketuai oleh Yang Dipertua majlis berkenaan, Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor.

Tema APEC - WLN tahun ini ialah 'Cabaran-cabaran dan Peluang-peluang Bagi Wanita Asia-Pasifik Dalam Proses Kesejahteraan Ekonomi'.

Di Mesyuarat APEC - WLN ini, perbincangan menumpukan kepada beberapa tema atau tajuk kecil iaitu antaranya Pengusaha Wanita dan Pasaran Dunia, Perkongsian Bersama Pengurus Wanita Dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Peranan Wanita dalam Sains, Teknologi dan Pembangunan Berterusan.

Mesyuarat tersebut bertujuan memberikan laluan kepada pertukaran maklumat dan pengalaman di kalangan wanita dari ekonomi APEC dalam menghadapi persaingan dan pe-

Oleh
Siti Muslihat HS

luang-peluang yang terbit daripada proses kesejahteraan ekonomi dan ekonomi baru serta menghadapi persaingan dan peluang-peluang yang terbit dari proses kesejahteraan ekonomi dan ekonomi baru serta menghadapi reko-mendasi dan pendapat ke peringkat menteri mengenai

perusahaan kecil dan sederhana.

Di waktu yang sama, para perwakilan negara ini juga akan menyertai Forum dan Pameran Perniagaan SME-APEC di Shanghai, China yang membawa tema 'Abad Baru, Persaingan Baru - Inovasi dan Pembangunan Alam Sekitar'.

Dalam Pameran APEC-SME itu, para perwakilan dan peniaga wanita dari Negara Brunei Darussalam

mengisikan dua petak pameran yang mengetengahkan beberapa perusahaan yang dikendalikan oleh para pengusaha wanita negara ini.

Melalui pertemuan itu, perwakilan dari Negara Brunei Darussalam berharap akan dapat menjalin kerjasama dalam bidang perniagaan dengan para peniaga wanita di China dan juga dengan anggota ekonomi APEC yang lain.



ROMBONGAN Majlis Perniagaan Wanita (WBC) Brunei yang diketuai oleh Yang Dipertuanya, Datin Hajah Edah berlepas ke Beijing China bagi menghadiri Mesyuarat Rangkaian Pemimpin Wanita APEC dan Forum dan Pameran Perniagaan SME-APEC. - Gambar oleh Hamadi HM.

ARENA SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan piala kepada Pengurus Pasukan Persija yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Jemputan Piala Juara-Juara Tahun Melawat Brunei 2001. Berangkat sama menyaksikan perlawanan akhir antara Persija dengan Bec-Tero Sasana ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diperkenalkan kepada barisan pemain Bec-Tero Sasana sejour sebelum perlawanan akhir bermula. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Bola Sepak Jemputan Piala Juara-Juara TMB 2001

PERSIJA KEKAL JUARA



Oleh
Haji Ahat HI

PERSIJA berjaya mengekalkan kejuaraan Kejohanan Bola Sepak Jemputan Piala Juara-Juara Tahun Melawat Brunei 2001, selepas menundukkan Bec-Tero Sasana 2-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 3 Ogos lepas.

Bagaimanapun, Kelab Bola Sepak Persija dari Republik Indonesia itu terpaksa menunggu hingga ke masa tambahan melalui perlawanan 'sudden death' selepas 90 minit bertarung dengan kedudukan terikat seri 1-1.

Penyerang tinggi lampai, Gendut D. Cristiawan, muncul sebagai wira apabila menjaringkan gol emas dalam masa tambahan kedua, daripada gerakan solo di tepi kiri hingga ke depan penjaga gol Bec-Tero Sasana, dan merembatnya masuk untuk memberikan kemenangan mutlak kepada Persija.

Jaringan tersebut menggamatkan suasana stadium apabila penyokong-penyokong Indonesia meluru ke padang untuk sama-sama meraikan kemenangan kali kedua kelab berkenaan.

Terdahulu sebelum itu, pada awal permainan, Persija menguasai keseluruhan permainan dengan melancarkan banyak percubaan dari Ebanda Etgillain bersama Gendut D. Cristiawan, namun berjaya dikekang oleh penjaga gol Bec-Tero Sasana, Nipon Malanont.

Dalam keghairahan Persija untuk mendapatkan gol itu, penyerang Sathanu Uthaisru pula berjaya mencuri

tumpuan dengan memanfaatkan serangan mengejut Bec-Tero Sasana dari tengah dan merembutnya masuk untuk mendahului 1-0.

Ketinggalan 0-1, Persija bertindak semakin garang dengan melakukan usaha lebih gigih menggempur kubu kelab dari Thailand itu, begitupun barisan pertahanan yang terdiri dari Adebays Abadebd, Attakorn Sendeng dan Sutthion Thongsukh lebih bijak membendung asakan Persija.

Kekebalan pertahanan Bec-Tero Sasana akhirnya lebur juga apabila Mihamdau Bako berjaya menyamakan kedudukan 1-1, selepas percubaan Joko Kuspito terkena palang dan melantun ke arah Mohamda Bako, terus menanduknya masuk menewaskan penjaga gol, Nipon Malanont.

Jaringan tersebut menyemarakkan terus semangat Persija untuk terus mendominasi permainan, namun barisan Bec-Tero Sasana berjaya menghalang hingga ke wisel penamat sebelum mereka tewas di masa tambahan.

Kejohanan yang menawarkan hadiah B\$30,000.00 bagi juara dan B\$15,000.00 bagi naib juara itu disertai oleh enam pasukan luar negeri dan dua pasukan tempatan.

Pahang F.A. dari Malaysia bersama Happy Valley A.A. dari Hong Kong masing-masing merangkul hadiah B\$7,500.00 selepas layak ke perlawanan separuh akhir.

Brunei sertai 16 acara di Sukan SEA XXI

BERAKAS, 29 Ogos. - Sejumlah 129 orang atlet dan 65 orang pegawai akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke temasya Sukan SEA XXI di Kuala Lumpur yang bermula dari 8 hingga 17 September depan.

Pada penyertaan edisi ke-21 ini kontinjen negara akan menyertai 16 acara sukan yang terdiri daripada badminton, biliard dan snuker, bola sepak, ten pin bowling, golf, karatedo, hoki padang, basikal, equestrian, olahraga, pencak silat, renang, sepak takraw, taekwando, tenis dan tinju.

Sejurus sebelum berlepas, Upacara Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei telah disampaikan



kepada Chef de Mission, Awang Haji Md. Yussop bin Bakar.

Hadir sama di upacara penyerahan bendera itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Sukan SEA Kuala Lumpur ini merupakan

Oleh
Haji Ahat HI

penyertaan kali ke-12 Negara Brunei Darussalam sejak penyertaan pertama tahun 1977 di Kuala Lumpur, yang membawa pulang tiga pingat gangsa.

Pencapaian tertinggi kontinjen negara merangkul pingat ialah pada Sukan SEA XX pada tahun 1999 di negara ini yang merangkul empat emas, 12 perak dan 30 gangsa.

BRUNEI YAKIN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah beserta pegawai-pegawai dan atlet merakamkan gambar kenangan sejurus selepas upacara penyerahan bendera kepada Chef de Mission Sukan SEA XXI di Stadium Tertutup (kanan). - Gambar oleh Masri Osman.

SELAMAT BERJUANG ... Chef de Mission Sukan SEA XXI, Awang Haji Md. Yussop bin Bakar menerima bendera negara daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (kanan). - Gambar oleh Masri Osman.



ARENA SUKAN

Menjelang Sukan SEA XXI ATLET DISARAN BERAKSI CEMERLANG

PARA atlet yang akan mewakili negara di temasya Sukan SEA XXI di Kuala Lumpur September depan disarankan supaya beraksi lebih cemerlang dengan semangat kesukanan yang tinggi untuk mencapai kejayaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain ketika membuat gesaan itu semasa pertemuan dengan para atlet di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah menegaskan, dengan adanya semangat bertanding yang tinggi para atlet pasti akan berjaya.

"Jadinya, jangan sia-siakan kesempatan latihan-latihan ini sebaliknya, manfaatkanlah dengan sebaiknya untuk memperbaiki segala kelemahan agar kamu dapat meraih kejayaan nanti," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan, penyertaan negara dalam mana-mana kejohanan sukan sekarang tidak lagi bermatlamat untuk pendedahan atau mencari pengalaman, sebaliknya adalah mengejar kejayaan untuk negara.

Perkara ini tambah Yang Berhormat, perlu difahami kerana skop penyertaan sukan sekarang adalah mengejar kejayaan atau sekurang-kurangnya meningkatkan prestasi pencapaian peringkat kebangsaan.

"Dalam hubungan ini saya ingin melihat kesemua atlet akan dapat beraksi lebih bersemangat dan tidak mengenal putus asa, malahan memberikan saingan dan cabaran sengit hingga ke penghujung perlawanan," tambah Yang Berhormat.

Dalam pada itu juga, Yang Berhormat mengingatkan para atlet supaya sentiasa berdisiplin, bersopan santun dan menjaga nama baik negara.

Skuad basikal azam capai kejayaan

BERSANDARKAN pengalaman dan latihan persiapan yang mantap, skuad basikal negara yang akan beraksi acara menurun bukit dan rentas desa di temasya Sukan SEA XXI Kuala Lumpur yakin peluang untuk mencatatkan kejayaan adalah cerah.

Matlamat tersebut menurut jurulatih, Abdul Ghani Haji Abu Bakar, akan dapat dicapai berdasarkan kepada peningkatan pencapaian pelumba-pelumba semasa latihan dan juga penyertaan perlumbaan di luar negeri.

Beliau menjelaskan, semasa latihan para pelumba telah didedahkan dengan kedudukan laluan perlumbaan yang akan dilalui di Sukan SEA dan seterusnya berpeluang menyertai kejohanan bersama peserta Republik Indonesia dan Malaysia.



BERJAYA ... Pengurus, jurulatih dan atlet olahraga bersedia dengan semangat Brunei yakin untuk mencatatkan kejayaan.



Oleh Haji Ahat HI
Gambar-gambar
oleh Hamadi HM

Olahraga ingin capai yang terbaik

EMPAT atlet negara, Mohd. Arman Haji Serudin, Dayang Alinawati Haji Aliakbar serta Sefi dan Jimmy Anak Ahar yang akan membawa cabaran acara olahraga di temasya Sukan SEA Ke-XXI Kuala Lumpur 2001 bercita-cita untuk meraih kejayaan yang terbaik buat kontinjen negara.

Dengan berbekalkan pengalaman daripada beberapa penyertaan yang lalu serta latihan persiapan yang rapi, mereka berkeyakinan usaha selama ini akan mendapat kejayaan yang cemerlang.

Kalau Sukan SEA XX yang lalu, Tea Ai Seng merangkul pingat perak acara lontar lembing dan pingat gangsa acara buang peluru, manakala Dayang Alinawati Haji Aliakbar merangkul pingat gangsa acara lompat tinggi, kali ini pertarungan ditumpukan kesemua pada acara-acara larian jarak jauh dan dekat.

Jika dinilai secara dekat, nampak pendekatan penyertaan kali ini begitu sukar untuk mencapai kejayaan, namun dengan bimbingan dua jurulatih berpengalaman luar negeri iaitu Moskaleno Olek-

sandr dan Vilodymyr Ignatenko, harapan dalam mengejar sesuatu kejayaan itu masih ada.

Menurut Pengurus pasukan, Awang Roslan Baha, dalam penyertaan Kejohanan Olahraga di Republik Singapura baru atlet negara berjaya memperbaiki dan meningkatkan pencapaian yang memberangsangkan.

Perkembangan itu katanya, setentunya memberikan gambaran yang mengembirakan terhadap peluang atlet negara untuk sekurang-kurangnya memberikan saingan atau cabaran menjelang Sukan SEA nanti.

Meskipun akan berhadapan dengan tuan rumah Malaysia, Thailand, Republik Indonesia, Republik Filipina dan Republik Singapura katanya, para atlet negara kini sudah siap sedia dengan semangat yang tinggi untuk berhadapan serta memberikan saingan hingga tamat perlumbaan.

Cabaran negara acara olahraga bagi lelaki akan dibarisi oleh Mohd. Arman Haji Sanif acara lari pecut 100m dan 200m, Jimmy anak Ahar lari 1500m. Sefi anak Ahar acara marathon sejauh 42.195 km dan Dayang Alinawati Haji Aliakbar lari pecut 100m dan 200m.



TUNJUKKAN SEMANGAT JUANG ... Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain mengadakan perjumpaan dengan atlet, pegawai dan jurulatih yang akan menyertai Sukan SEA. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Sasaran di temasya Sukan SEA XXI: Mara ke separuh akhir

PERSATUAN Badminton Kebangsaan Brunei menetapkan cabaran sasaran untuk mara sekurang-

kurang ke perlawanan separuh akhir berpasukan dalam penyertaan di temasya Sukan SEA XXI

di Kuala Lumpur September depan.

Seandainya sasaran itu dapat dicapai kata Setiausaha Agung Persatuan Badminton Brunei, Awang Leong Seong Cheong, ianya merupakan satu usaha yang sudah cukup berjaya dalam memajukan permainan sukan badminton di negara ini kerana dalam beberapa penyertaan cabaran Brunei sering tersekat di pusingan awal.

"Inilah sasaran kita dalam penyertaan Sukan SEA XXI di Kuala Lumpur dan para pemain berazam tinggi untuk bermain lebih cemerlang dan memenangi setiap perlawanan," jelasnya.

Begitupun katanya, laluan untuk mara ke separuh akhir tidaklah mudah yang dijangka kerana dua tempat sudah pasti berpihak kepada Republik Indonesia dan Malaysia,

dan Thailand mempunyai sedikit kelebihan untuk satu tempat, manakala Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam bersaing merebut satu lagi tempat.

Dengan demikian tamahnya, para pemain perlu berusaha gigih mendapatkan satu tempat memandangkan peluang Brunei, Republik Singapura mahupun Thailand adalah seimbang.

"Jadinya, kalau kita dapat tundukkan salah satu pasukan antara Republik Singapura atau Thailand nanti, peluang adalah cerah untuk masuk ke separuh akhir. Malaysia dan Republik Indonesia memang agak susah dan Republik Filipina, Myanmar atau Viet Nam mungkin tidak ada masalah untuk menang. Yang penting semangat untuk menang pemain ada," ujarnya.



PASANGAN bergu badminton negara Ermadena Haji Talib dan Fadzil Haji Masri antara atlet yang akan membawa cabaran di temasya Sukan SEA Ke-XXI Kuala Lumpur.

ARENA SUKAN

RTB siarkan acara Sukan SEA XXI setiap hari



PENGARAH RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail menerangkan mengenai siaran RTB semasa Sukan SEA XXI Kuala Lumpur kepada wakil-wakil media.

RADIO dan Televisyen Brunei (RTB) akan menyiarkan liputan acara-acara Sukan SEA XXI Kuala Lumpur selama 10 jam setiap hari bermula 3 September dengan siaran langsung perlawanan bola sepak Kumpulan 'B' pertemuan antara Brunei dengan Malaysia.

Pada hari berikutnya RTB juga akan menyiarkan secara langsung perlawanan Brunei dengan Viet Nam dan menjelang Sukan SEA serta upacara pembukaan rasmi secara langsung dari Stadium Utama Bukit Jalil.

Selepas pembukaan itu siaran akan diteruskan setiap hari bermula jam 10.00 pagi dan disambung pada jam 10.00 malam, manakala pada 13 Ogos siaran akan berlangsung jam 10.00 pagi, 7.00 malam, 8.50 malam dan 10.00 malam hingga 11.30 malam dan seterusnya hingga ke hari penutupan rasmi.

Oleh Haji Ahat HI
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM

Sementara itu, radio Rangkaian Harmoni pula akan memberi laporan setiap hari dari pukul 7.15 pagi hingga 7.45 pagi, 12.15 hingga 12.30 tengah hari, 5.00 petang hingga 5.25 petang dan 10.00 malam hingga 10.30 malam.

Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail berkata melalui siaran itu para pendengar dan penonton akan dapat mengetahui perkembangan semasa sukan berprestij di rantau ini selain mendekatkan orang ramai dengan RTB.

Melalui siaran itu, para peminat sukan tanah air akan dapat menyaksikan secara dekat aksi ahli-ahli sukan di rantau ini bertarung dalam Sukan SEA.

BOLING PADANG BERHASRAT RANGKUL KEJAYAAN

MELIHAT kepada pencapaian yang semakin meningkat dari masa ke-masa barisan boling padang negara yang menyertai Kontinjen Sukan SEA XXI Kuala Lumpur berhasrat untuk memenangi kesemua enam acara lelaki dan wanita yang berlangsung di gelanggang Bukit Kiara.

Berdasarkan kepada latihan-latihan dan pencapaian prestasi dalam beberapa penyertaan yang disertai kata Pengurus Pasukan, Datin Paduka Hajah Rokiah Haji Zakia, peluang untuk meraih kejayaan adalah cerah.

Beliau menjelaskan latihan yang dikendalikan oleh John Murtagh, ketika ini berjalan dengan lancar dan para peserta berjaya mengikutinya dengan memperlihatkan peningkatan dalam pelbagai segi, manakala dalam beberapa siri penyertaan kejohanan pula skuad boling padang berjaya memperolehi kejayaan.

"Umpamanya di Sukan Arafura Darwin, Australia bulan Mei lalu Abdul Rahman Haji Omar merangkul pingat emas cara perseorangan lelaki dan semasa penyertaan Kejohanan Pertama ASIAN Bowl pasukan lelaki negara menduduki tempat kedua dan pasukan wanita di tempat ketiga," jelasnya.

"Dalam ranking dunia pula pasukan wanita kini berjaya mencapai ranking ke-27 dunia," tambahnya.

Dengan perkembangan itu beliau berkeyakinan pencapaian pingat pada temasya Sukan SEA XX yang lalu di negara ini akan dapat diatasi atau sekurang-kurangnya berjaya membawa pulang kejayaan.

Dalam persiapan terakhir baru-baru ini pula beliau menjelaskan para peserta negara telah dibawa menyertai per-

lawanan persahabatan dengan pasukan Malaysia bagi ujian keupayaan peserta masing-masing.

Menurutnya, pasukan pilihan Malaysia, yang juga akan menjadi saingan utama perlu diberikan perhatian dan dengan adanya perlawanan ujian itu sekurang-kurangnya mem-

berikan panduan berguna kepada negara.

Sukan boling padang yang merupakan kali kedua dipertandingkan dalam Sukan SEA mempertandingkan enam acara dengan enam pingat emas, enam perak dan enam gangsa.



BERHATI-HATILAH... Abdul Rahman bin Haji Omar melakukan lontaran semasa latihan bersama dengan pemain lain.

Dari muka 14

Skuad basikal azam capai kejayaan

Dua penyertaan lain katanya, termasuklah Kejohanan Pre Sukan SEA di Kuala Lumpur dan Kejohanan Mountain Bike ASEAN di Filipina bulan lepas di mana para pelumba negara telah mencapai peningkatan prestasi.

tasi yang membanggakan.

Jurulatih itu menjelaskan, semasa ujian Pre Sukan SEA yang disertai oleh pelumba-pelumba dari Singapura, Malaysia, Thailand, dan Indonesia, Chung Kwei Ming muncul salah seorang dari 10

pelumba rentas desa terbaik semasa ujian itu dengan catatan masa 1.38.49.587

Selain Kwei Ming katanya, Hamdani Haji Besar menduduki tempat ke-14, Muhammad Shafei Haji Osman tempat ke-16 dan Ali

Mustapha Haji Abdul Hamid tempat ke-19 dari 31 pelumba yang menyertainya.

Kejohanan Mountain Bike ASEAN di Filipina pula kata jurulatih itu lagi, Chung Kwei Ming menduduki tempat ke-3, manakala Hamdani Haji Besar di tempat ke-5.

"Jadi melalui pencapaian di kedua-dua penyertaan itu kami meramalkan bahawa pelumba-pelumba kita mempunyai peluang yang cerah untuk mencatatkan kejayaan meskipun tidak kesemua 10 negara ASEAN menyertai dua kejohanan tersebut," terangnya.

"Begitupun impian ini bukan saja terletak kepada pelumba, malahan basikal juga memainkan peranan penting selain berhadapan dengan para pelumba lain. Oleh itu semua perkara ini perlu diambil kira untuk mencapai kejayaan," jelasnya.



BRUNEI YAKIN... Skuad lumba basikal melaukan semangat keyakinan semasa sesi latihan yang diadakan di Taman Rekreasi Bukit Shabbandar.

PERENANG tunggal negara Mohammad Dzairenny Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Muslim membuat sasaran pada penyertaan di Sukan SEA XXI Kuala Lumpur ini untuk layak beraksi ke peringkat akhir. Perenang yang berusia 17 tahun yang masih memegang rekod kebangsaan 100m gaya bebas 58.05 yang dibuat di Kuala Lumpur dulu menyatakan, sasaran untuk beraksi ke peringkat akhir ini merupakan matlamat utamanya.

"Seandainya saya layak menyertai antara salah seorang dari lapan perenang beraksi di peringkat akhir dalam apa jua acara renang, itu adalah sudah mencukupi dan jika berjaya jauh daripada itu, itu adalah satu pencapaian yang jauh lebih baik," terangnya.

"Bagaimanapun, perhitungan setakat ini adalah untuk layak ke peringkat akhir dan selepas itu barulah memikirkan matla-

mat pingat," tambahnya.

Beliau yang berjaya merangkul dua pingat gangsa di Sukan Arafura, lima emas di kejohanan Inter Club di Sabah dan sembilan emas di Kejohanan Inter Club di Miri berkata pada saingan Sukan SEA ini dia sudah bersedia dengan latihan yang lama untuk berhadapan dengan perenang-perenang handalan daripada Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia.

Sementara itu jurulatih renang, Harjimmy Zainal berkata Mohammad Dzairenny telah menjalani latihan sejak awal tahun lalu dan dalam perkembangan terakhir latihan itu telah berjaya memperlihatkan peningkatan yang memuaskan.

Menurut jurulatih itu, catatan masa yang dibuatnya memperlihatkan perubahan dan jika dia dapat mengekalkannya, peluang untuk memperbaiki masa yang lebih baik adalah cerah.



PERENANG tunggal negara, Mohammad Dzairenny menjalani latihan di bawah bimbingan jurulatih, Harjimmy Zainal.

Kebawah DYMM utus tahniah kepada Malaysia dan Viet Nam

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj, Yang Dipertuan Agong Malaysia dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersempena ulang tahun keempat puluh empat, Hari Kemerdekaan Malaysia.

Dalam perutusan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, baginda menyatakan rasa gembira dan puas hati dengan hubungan silaturrahim, persahabatan yang erat lagi mesra yang sedia terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. Hubungan yang sedemikian itu menurut baginda telah banyak mendatangkan kemanfaatan kepada kedua-dua buah negara, yang mana baginda mendoakan ianya akan sentiasa dipelihara dan

dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda beserta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan juga Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dipanjangkan umur, sentiasa di dalam kesejahteraan dan sihat walafiat dan juga semoga rakyat Malaysia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan serta rakyat Malaysia sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Malaysia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoakan semoga Yang Amat Berhormat akan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan sejahtera.

Sementara itu pada 2 September lepas, baginda telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan Tuan Yang Terutama Tuan Phan Van Khai, Perdana Menteri Viet Nam bersempena Hari Kebangsaan republik tersebut.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Sosialis Viet Nam. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Sosialis Viet Nam akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Phan Van Khai, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat sempena Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Sosialis Viet Nam. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga TYT dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

DPPW hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Datuk Seri Hamid Albar, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia sempena Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-44.

Dalam sabda perutusannya, Duli Yang Teramat Mulia mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Malaysia sempena dengan sambutan itu dan menyatakan kegembiraan dengan peningkatan hubungan dan tahap kerjasama kedua-dua negara di pelbagai bidang sejak beberapa tahun yang lalu.

Duli Yang Teramat Mulia berharap supaya hubungan tersebut akan dapat terus diperkukuhkan pada masa akan datang.

Sementara itu pada 2 September lalu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tuan Nguyen Dy Nien sempena dengan Hari Kebangsaan republik tersebut.

Dalam sabda perutusannya, Duli Yang Teramat Mulia merakamkan perasaan gembira kerana berpeluang berangkat ke Hanoi bagi

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan Persidangan Bersama Rakan Dialog ASEAN (AMMPMC) yang lalu dan melahirkan rasa kagum di atas kemajuan pesat yang mengambil tempat di Hanoi ketika ini.

Duli Yang Teramat Mulia juga berharap untuk terus berganding bahu dengan Republik Sosialis Viet Nam bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan serantau yang sedia ada.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Hakim James Kevr Findlay, sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar bermula pada 30 Ogos, 2001. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

LANTIKAN PESURUHJAYA MAHKAMAH BESAR

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Hakim James Kevr Findlay, sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar.

Majlis Mengangkat Sumpah bagi perantikan itu berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Surat perantikan bagi Pesuruhjaya Mahkamah Besar itu dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Pengiran Muda Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alaudin.

Selepas Majlis Mengangkat Sumpah, baginda berkenan menerima menghadap Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru dilantik itu.

Berangkat ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Hakim James Kevr Findlay, 65 tahun memulakan kerjayanya sebagai polis di Afrika Selatan, Zimbabwe 1954 dan mula berkecimpung dalam kerjaya hakim pada tahun 1958 sebagai kerani yang bertanggungjawab mengawasi dan mentadbir mahkamah majlis terbesar di Zimbabwe.

Penuntut modal berharga negara

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 3 September. - Para penuntut bukan sahaja perlu melengkap dan mempersiapkan diri masing-masing dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan maklumat terkini tetapi mereka juga perlu mengetahui perkembangan dan pentadbiran negara.

Penuntut-penuntut yang berilmu merupakan modal yang berharga kepada negara, maka dari itu strategi perlu disediakan untuk menjadikan mereka sebagai komoditi yang bernilai.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menekankan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluannya pada Perasmian Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut 2001 berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara di sini.

Beliau berkata, kehidupan sebagai penuntut merupakan satu proses mempersiapkan diri untuk menjadi ejen perubahan atau warganegara yang berkemampuan, boleh memimpin dan membawa negara ini ke mercu kejayaan.

"Maka dalam konteks ini, mempersiapkan diri yang dimaksudkan itu tentulah tidak mencukupi kalau hanya sekadar menuntut ilmu, tanpa mengambil kira terhadap peranan dan tanggung-

jawab berbangsa, berdisiplin dan bernegara," tegas beliau.

Abd. Ghani menjelaskan, soal kepimpinan di kalangan mahasiswa itulah yang akan digarap oleh tema Perkampungan Sivik tahun ini iaitu 'Mahasiswa/Mahasiswi Perwaris Kepimpinan Negara' yang dianggap sangat tepat sekali.

"Siapa lagi kalau bukan mahasiswa/mahasiswi yang akan memimpin negara seperti kata pepatah 'pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara'. Kepimpinan tidak boleh dilakukan oleh sebarang orang," ujarnya.

Sepanjang mengikuti perkampungan tambahan, para penuntut akan didedahkan kepada aspek-aspek kepimpinan dan perkara-perkara yang berhubung dengannya termasuklah maklumat-maklumat mengenai pentadbiran kerajaan dan perkembangannya.

Terdahulu beliau menyentuh mengenai usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

melalui agensi-agensi yang telah memberikan peluang dan laluan yang seluas-luasnya kepada rakyat negara ini untuk melengkap dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi kemajuan dan kesejahteraan hidup mereka.

Usaha tersebut bukan sahaja ketara di dalam negara malahan juga di luar negara melalui penghantaran para penuntut untuk melanjutkan pengajian mereka yang merupakan salah satu pelaburan negara yang amat besar.

Pada masa yang sama penghantaran penuntut juga dilakukan oleh beberapa buah agensi swasta dengan menyediakan skim-skim biasiswa atau tajaan di samping usaha dari ibu bapa yang berkemampuan yang juga merupakan sumbangan yang besar artinya kepada rakyat dan negara.

Pengarah Penerangan berkata, perkara itu membuktikan bahawa kedua-dua sektor tersebut termasuk ibu bapa menaruh harapan yang sangat tinggi kepada para penuntut agar setelah menamatkan pengajian nanti mereka akan dapat pula menabur, menyumbang jasa dan bakti kepada negara melalui kepimpinan dan cetusan minda selaku orang yang berilmu.



MAHASISWA PEWARIS KEPIMPINAN NEGARA

دربيتكم اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menerima Buku Tahunan 2000 hospital RIPAS daripada Pengerusi Hari Terbuka RIPAS, Awang Haji Yusoff bin Amba. - Gambar oleh Masri Osman.

RIPAS CATAT KUTIPAN KEWANGAN LEBIH \$2 JUTA

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Ogos. - Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) tahun lalu mencatatkan kutipan kewangan berjumlah \$2,496,504.64 yang dikutip dari wad-wad, klinik-klinik, unit-unit dan jabatan-jabatan.

Dari jumlah kutipan itu, bulan November mencatatkan kutipan yang tertinggi iaitu \$257,109.26, manakala bulan Januari pula mengutip jumlah terendah \$161,066.45.

Ini menunjukkan RIPAS terus menjadi perhatian dan mendapat sokongan orang ramai di negara ini bagi mendapatkan rawatan kesihatan atau rawatan pakar serta pembedahan.

Hasil kutipan itu termasuk dalam buku Laporan Tahunan RIPAS 2000 yang dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad di Ruang Legar RIPAS semasa

Oleh Abdullah Asgar

melancarkan Hari Terbuka RIPAS.

Melalui hasil kutipan tersebut, tidak menunjukkan penurunan yang ketara walaupun perkhidmatan pesakit luar menggunakan pusat-pusat kesihatan atau klinik telah diwujudkan tidak lama dulu.

Di samping itu, tahun lalu, RIPAS juga telah membuat pembayaran sejumlah \$4,763,973.09 iaitu bagi gaji, bayaran lebih masa, perjalanan, elaun pesakit TB, bonus dan sebagainya.

Selain itu, RIPAS tahun lalu juga mencatatkan sejumlah 148,204 orang sebagai pesakit luar am, manakala 232,418 pula sebagai pesakit luar khusus dan 26,252 orang pula dimasukkan ke wad-wad bagi menjalani rawatan lanjutan termasuklah mereka yang mengalami kemalangan jalan raya yang serius.

RIPAS juga mencatatkan dalam sehari pihaknya telah menerima 42,291 orang sebagai pesakit luar, manakala mereka yang diberi rawatan seramai 345 orang.

Sementara dalam setiap 100 orang pesakit yang dikeluarkan dari wad-wad, hanya 1.4 peratus yang meninggal dunia. Ini menunjukkan RIPAS antara rumah sakit yang terendah mengalami kematian pesakit-pesakitnya.

Ketika ini RIPAS mempunyai 2,106 kakitangan bertauliah dan pakar antaranya 48 orang pakar dalam pelbagai bidang, 38 Pegawai Kanan Perubatan, 112 orang Pegawai Perubatan, 13 Pegawai Kanan Pergigian, 14 Pegawai Pergigian, 818 orang Jururawat Terlatih dan 10 Pegawai Farmasi selain dari memiliki 15 klinik seperti Klinik Kemalangan dan Kecemasan, Dermatologi, Ophthalmologi, Psiakitrik, Radiologi, Pembedahan dan Nefrologi serta Klinik Dialisis.

Visi RIPAS terus berkhidmat cemerlang

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Ogos. - Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) tahun 2001 ini mempunyai visi yang berbunyi 'Untuk Menjadi Cemerlang Dalam Memberikan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Yang Berdedikasi Untuk Semua' sebagai komitmen yang penuh dalam penjagaan kesihatan dan rawatan kepada orang ramai di negara ini.

Selain itu, RIPAS juga mempunyai misinya iaitu untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan umum dan khusus yang bersepadu untuk semua, iaitu melalui perkhidmatan berasaskan bukti, staf yang berkecekapan, berdedikasi dan pemedulian, pengurusan kesihatan yang efisien dan 'cost-effective' latihan dan penyelidikan kepada orang awam melalui pendidikan.

Pelancaran visi dan misi RIPAS ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad di Majlis Pelancaran Hari Terbuka RIPAS di ruang

legar hospital tersebut.

Visi dan misi itu adalah sebagai wawasan bagi RIPAS untuk terus berkhidmat dengan cemerlang dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada orang ramai.

Sejak dibuka 17 tahun yang lalu, RIPAS bukan

sahaja mengalami perubahan infrastruktur, malah juga dari segi perkhidmatan perubatan dan rawatan.

Malah ia juga telah dijadikan sebagai sebuah hospital pengajar oleh Universiti Queensland, Australia atau 'RIPAS Hospital Is A Teaching Hos-

pital of The University of Queensland'.

Selain itu, setelah 17 tahun beroperasi, kini terdapat beberapa orang doktor pakar dan doktor yang terdiri daripada anak-anak tempatan, malahan mereka juga diberi tanggungjawab bagi mengetuai jabatan-jabatan di RIPAS.

Adapun tujuan utama Hari Terbuka RIPAS 2000 sebagai memberikan penerangan dan makluman kepada orang ramai mengenai perkhidmatan-perkhidmatan terkini yang diberikan dan disediakan di RIPAS dan dibuka untuk kunjungan orang ramai.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad ketika menyaksikan pameran Hari Terbuka RIPAS di ruang legar hospital tersebut. Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin. - Gambar oleh Masri Osman.



Bahasa & Budaya

GAWAI Belah Pinang istiadat perkahwinan masyarakat Iban



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Md. Hassan merasmikan Pesta Warisan Budaya Rakyat di Taman Jubli Perak, Kuala Belait (atas). - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



UPACARA enselan (menyemah) dengan darah ayam yang dikorbankan disapu pada kening atau dahi kedua mempelai adalah antara adat istiadat perkahwinan masyarakat Iban (kanan). - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

KUALA BELAIT, 19 Ogos. - Gawai Belah Pinang atau adat istiadat perkahwinan masyarakat Iban antara persembahan yang berjaya menarik perhatian penonton di Pesta Warisan Budaya Rakyat Tahun 2001 yang diadakan di Taman Jubli Perak di sini.

Pesta tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan.

Persembahan adat istiadat perkahwinan masyarakat Iban yang mereka warisi sejak berzaman lagi dan sehingga kini masih dipraktikkan telah dipertontonkan secara ringkas. Dalam tradisi perkahwinan mereka terdapat empat cara yang sah untuk teruna dan gadis menjadi suami isteri, pinta (permohonan), nama ke diri (menyerah diri), naban ke indu dara (melarikan gadis) dan berangkat (merampas atau mengambil isteri atau suami orang).

Bagaimanapun dalam masyarakat mereka, adat istiadat kahwin boleh dikategorikan kepada Adat Belah Pinang dan Adat Istiadat Pengisytiharan Kahwin. Perkara tersebut berlaku kerana terdapat di kalangan mereka yang tidak boleh mengadakan Adat Belah Pinang sebab pantang.

Bagi mereka yang tidak merayakan Majlis Kahwin Adat Belah Pinang disebut Adat Pengisytiharan Kahwin dengan tidak melakukan adat membelah buah pinang selepas istiadat bersanding.

Proses perkahwinan bermula dengan Majlis Adat Mesu (berjarum-jarum) disusuli dengan Adat Nanya Indu (menghantar tanda tunang) dan Adat Belah Pinang. Dalam zaman tradisional mereka, mas kahwin merupakan kepala musuh diserahkan kepada bapa perempuan oleh lelaki yang hendak berkahwin bersama dengan ringa (tempat menyimpan kepala tersebut), ilang (parang) atau nyabur, terabai (utap).

Di zaman moden sekarang ini, mas kahwin tersebut mengikut perubahan masa denganantaran wang \$150.00 atau \$250.00, sebetuk cincin, seutas rantai emas, kain tenunan Iban serba lengkap, sepersalinan pakaian perempuan (moden), celapa, sintong, nyiru dan sirau.

Rombongan pengantin lelaki sebelum naik ke rumah pengantin perempuan, terlebih dahulu membuka kota rumah yang dibuat daripada pua kumbu dan lain-lain bahan menggunakan sebatang sumpitan lengkap dengan lembing serta menggunakan jako karong (bahasa kiasan

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

berirama) dan membayar harga kota tersebut dengan wang.

Kedua pengantin kemudian didudukkan di atas tawak untuk upacara bersanding. Selepas itu mereka dan keluarga kedua belah pengantin serta penyambut tetamu dihidangkan minuman tuak, diikuti upacara membelah buah pinang oleh lelaki yang ditugaskan meramal nasib kedua pengantin dan biau belah pinang (doa kahwin) dibaca oleh tukang biau (doa).

Bagi memohon keberkatan pengantin, upacara enselan (menyemah) dilakukan dengan darah ayam yang dikorbankan disapu pada kening atau dahi kedua mempelai dan mereka kemudian menjamu air tuak kahwin kepada tetamu yang hadir.

Seperti kelaziman masyarakat Iban, Adat Belah Pinang diteruskan hingga ke pagi dengan persembahan kesenian dan kebudayaan masyarakat tersebut antaranya tarian ngajat, pancak silat dan berbalas pantun.

Selain persembahan adat perkahwinan masyarakat Iban juga menyerikan pesta budaya dari masyarakat Lunbawang, masyarakat Tionghoa, puak Dusun, puak Tutong, puak Kedayan, puak Belait dan penduduk Mukim Lorong Tiga Selatan, Seria serta persembahan serunai dan tambur Tentera Darat Batalion Ketiga Penanjong Garison, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pengerusi Bersama Pesta, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkifli bin Abdullah dalam ucapan alu-aluannya berkata, kejayaan pesta tersebut banyak bergantung kepada persefahaman para ahli jawatankuasa serta bimbingan nasihat Pegawai Daerah.

Pesta yang diunkayahkan bertujuan bagi memeriahkan suasana sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55, di samping mengeratkan, menghidupkan dan menzahirkan budaya masyarakat dan rakyat daripada pelbagai puak dan kaum di negara ini.

Dengan adanya pesta sedemikian akan dapat mengingatkan generasi baru khazanah warisan budaya yang perlu mereka amalkan.

RISTAAN



RUMAH Sakit Kerajaan mula dibina di negara ini pada November 1928, dan siap setahun kemudian yang dinamakan Rumah Sakit Pekan Brunei di zaman pemerintahan Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajudin Akhazul Khairi Waddien, tetapi musnah akibat peperangan pada tahun 1944, dan dibina semula pada tahun 1948 di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan mula digunakan pada tahun 1950 sebelum siap sepenuhnya 1952. Memandangkan keperluan kesihatan semakin meningkat, pada 1978/1979, sebuah rumah sakit baru dibina di Kiulap dan diberi nama Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

KAWASAN BARU KAWALAN KEMAJUAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa memaklumkan bahawa beberapa kawasan baru di Daerah Brunei dan Muara telah diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan Kemajuan mengikut peruntukan Bab 3 Akta (Kawasan Kemajuan) Perancangan Bandar dan Desa 1972 (Penggali 143) daripada Undang-undang Brunei. Kawasan-kawasan berkenaan adalah seperti berikut :

1. Kawasan Kawalan Kemajuan Jalan Penghubung Kiulap - Pesar Ulak,
2. Kawasan Kawalan Kemajuan Jalan Penghubung Tungku,
3. Kawasan Kawalan Kemajuan Tapak Diplomatik Jalan Kebangsaan, dan
4. Kawasan Kawalan Kemajuan Jalan Berakas (kawasan tambahan kepada kawasan yang telah diisytiharkan sebelumnya).

Pengisytiharan itu berkuat kuasa mulai 14 Julai, 2001.

Siaran akhbar jabatan tersebut menjelaskan, dengan pengisytiharan kawasan-

kawasan berkenaan, permohonan-permohonan bagi sebarang kemajuan tanah dan bangunan hendaklah dihadapkan kepada Pengerusi Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, sukacita menarik perhatian umum bahawa mengikut peruntukan Akta (Kawasan Kemajuan) Perancang Bandar dan Desa 1972 (Penggali 143) Bab 6 Ceraian (3): "Manamana orang yang melanggar sebarang peruntukan cerai kecil (1) adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$20,000.00 atau jika gagal membayar denda tersebut, penjara 12 bulan. Manamana orang yang terus melakukan sesuatu kesalahan setelah ia sabit bersalah boleh dikenakan denda \$500.00 sehari atau dihukum penjara selama enam bulan."

Sebarang maklumat lanjut boleh didapati daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

TUJUH SIFAT PERLU ADA PADA PEMIMPIN, PENGIKUT

MARILAH kita bersama-sama bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam kita meniti waktu kehidupan harian ini, dalam keadaan yang aman dan damai, sihat sejahtera dan keadaan senang dan mewah, marilah kita mengingati Hari Kiamat, hari yang pasti kunjung tiba, hari menghisab segala amalan-amalan kita yang baik dan yang buruk, saat yang menggerunkan dan menggemparkan makhluk seluruhnya, kejadian yang sangat dahsyat berlaku, manusia dalam tanda tanya: Mengapa bumi jadi begini?

Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Surah Az-Zalzalah ayat 1 hingga 5 yang tafsirannya:

"Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya serta bumi itu mengeluarkan segala isinya, dan berkatalah manusia dengan perasaan gerun: Apa yang sudah terjadi kepada bumi? Pada hari itu bumi pun menceritakan khabar beritanya: Bahawa Tuhanmu telah memerintahkannya (berlaku demikian)."

Hari Kiamat semakin dekat, manusia semakin ramai dan bumi sudah semakin sempit, ekonomi semakin meningkat dan pembangunan semakin

pesat. Manusia berlumba-lumba membuat bangunan yang mewah dan tinggi, hutan ditebang dan alam sudah tidak seimbang lagi. Di samping itu rasa kasih sayang sesama manusia sudah semakin hilang. Di mana-mana terjadi pembunuhan sehingga ada orang yang tergamak membunuh anak dari darah dagingnya sendiri. Begitu juga membunuh ayah atau ibunya.

Perkara inilah yang begitu membimbangkan kita. Sekarang ini sifat cemburu dan dengki semakin banyak bersarang di hati manusia. Begitu juga sifat munafik dan ketidakjujuran. Itu semua merupakan tanda-tanda Hari Kiamat.

Disebut sahaja Hari Kiamat pasti kita teringat mati. Kiamat khususnya bagi seseorang adalah kematian atau saat perpindahannya dari alam dunia ke alam lain (alam barzakh) yang merupakan taman Syurga atau lubang Neraka.

Daripada hadis sahabat Abi Hurairah, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Tiada bangkit (berlaku) Hari Kiamat sehingga masa itu berdekat-dekatan, maka setahun bagi sebulan, dan sebulan bagi sejumlah, sejumlah bagi sehari, sehari bagi sejam dan sejam bagi terbakar sepelelep kurma kering." (Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad).

SEMEMANGNYA peredaran masa dan waktu amat pantas kita rasai sekarang, namun kebanyakan manusia itu tidak mahu insaf dan sedar akan kelalaian terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala.

Dari apa yang disebutkan dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu sememangnya peredaran masa dan waktu amat pantas kita rasai sekarang, namun kebanyakan manusia itu tidak mahu insaf dan sedar akan kelalaian dan kecuai terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala.

Kita ambil maksud hadis iaitu tujuh jenis manusia yang akan mendapat perlindungan di Hari Kiamat itu nanti ialah:

1. Imam yang adil, maksudnya pemimpin atau pemerintah yang adil, yang jujur, yang tidak suka melanggar larangan Allah Taala, yang bekerja untuk kebahagiaan orang yang dipimpinnya serta bertanggungjawab atas kebaikan mereka di dunia dan di akhirat.

2. Pemuda yang bersungguh-sungguh berbakti kepada Allah yakni di samping ianya berusaha

menuntut ilmu dan bersungguh-sungguh mengemas dirinya untuk menjadi orang yang baik dan berguna. Di samping itu juga ia tidak melalaikan ibadatnya kepada Allah Subhanahu Wataala.

3. Lelaki yang hatinya selaku tersangkut di masjid yakni sangat-sangat mengagungkan syiar agama Allah, sebab masjid ialah lambang kerajaan atau negara Islam, kerana itu ia selalu menghormatinya, menjaga dan memakmurkannya dengan berbuat baik dan lain-lain.

4. Dua lelaki yang berkasih sayang kerana Allah yakni mereka bertemu kerana Allah dan berpisah pun kerana Allah, sentiasa bantu-membantu antara satu sama lain bagi melaksanakan perintah-perintah Allah, kerana menegakkan agama Allah.

5. Lelaki yang menolak ajakan perempuan cantik untuk melakukan sesuatu



yang dilarang oleh syarak dengan berkata: "Aku tidak mahu melakukan ini kerana aku takut akan Allah."

6. Lelaki yang suka bersedekah dengan ikhlas yang tidak bermegah-megah sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang dilakukan oleh tangan kanannya.

7. Laki-laki yang sentiasa ingatkan Allah Subhanahu Wataala apabila berada di tempat-tempat yang sunyi, ia selalu menitisikan air mata kerana ingat dan takutkan Allah Subhanahu Wataala.

Demikianlah kita sebutkan ketujuh-tujuh

dari maksud hadis ini yang amat baik dan munasabah kita jadikan contoh dari amalan hidup kita hari ini ditambah lagi pada ketika umat Islam sedang dikedip oleh berbagai-bagai fitnah dan pancaroba ini.

Hal ini perlu kita perhatikan sebab ketujuh-tujuh sifat yang disebutkan itu besar pengaruhnya kepada pembangunan peribadi seseorang itu bahkan kepada bangsa dan negara.

Tujuh sifat ini bukan saja ianya harus ada pada kalangan pemimpin, tetapi juga di kalangan orang yang dipimpin. Dan seterusnya umat sekalian kita mestilah bercita-cita dan berusaha dengan sebenar-benar usaha supaya menjadi orang yang baik, baik dari segi pandangan Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya kerana dengan itu keuntungan

akan diterima di dunia dan juga di akhirat. Inilah matlamat hidup yang perlu ada disemai pada setiap diri individu seseorang Muslim itu. Mudah-mudahan kita akan termasuk dalam tujuh golongan yang mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala di Hari Kiamat nanti.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Az-Zumar ayat 68 yang tafsirannya:

"Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya). Kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)."

KITA mestilah bercita-cita dan berusaha dengan sebenar-benar usaha supaya menjadi orang yang baik, baik dari segi pandangan Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, kerana dengan itu keuntungan akan diterima di dunia dan juga di akhirat.

وقت سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی باگی دایره برونی دان موارا مولای دري هاري رابو، 17 جمادی الآخر، 1422 برسان 5 سبتمبر، 2001 هيفك كھاري ثلاث، 23 جمادی الآخر، 1422 برسان 11 سبتمبر، 2001 اداله مغرت دباوه این :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحی	سبہیخ
جمادی الآخر									
17	12.21	3.25	6.25	7.35	4.46	4.56	6.13	6.36	5
18	12.20	3.24	6.25	7.34	4.46	4.56	6.13	6.36	6
19	12.20	3.23	6.24	7.34	4.46	4.56	6.12	6.36	7
20	12.20	3.21	6.24	7.33	4.46	4.56	6.12	6.36	8
21	12.19	3.20	6.23	7.33	4.46	4.56	6.12	6.35	9
22	12.19	3.19	6.23	7.32	4.45	4.55	6.12	6.35	10
23	12.19	3.18	6.22	7.32	4.45	4.55	6.12	6.35	11

وقت ۲ سبہیخ باگی دایره توتوغ دمبه ساتو مینیت دان دایره بلايت دمبه تیک مینیت، سبہیخ فرض جمعة دسلورو نكارا برونی دارالسلام دمولای دري فوكل 12.45 نھاري.

PERIHAL PENYUSUAN DAN ANAK SUSUAN

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

PENYUSUAN kanak-kanak yang baru lahir atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *ridha'* atau *radha'* merupakan satu cara kehidupan semula jadi manusia.

Sesungguhnya menyusukan anak damit mempunyai kelebihan yang amat banyak. Menurut hasil kajian pakar perubatan, susu ibu itu mengandungi kesemua zat makanan yang diperlukan untuk perkembangan dan kesihatan anak damit. Ia juga mengandungi zat khusus yang penting untuk perkembangan otak dan daya intelek yang lebih baik. Susu ibu juga boleh mengurangkan masalah pergigian dan ortodontik dan boleh mencegah penyakit lain seperti lelah, ekzema, sakit perut, sembelit dan sindrom kematian mengejut anak damit. Selain daripada itu susu ibu boleh mewujudkan dan mempererat hubungan rapat antara ibu dan anak damit.

Menurut ajaran agama Islam pula, penyusuan anak damit ini memang telah disyariatkan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu." (Surah Al-Baqarah ayat 233).

Penyusuan dengan susu ibu kepada anak damit sangat digalakkan kerana ia bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada anak damit itu, malahan juga kepada ibu-ibu yang menyusukan. Di antara kebanyakannya terhadap ibu-ibu, yang telah dikenal pasti oleh pakar perubatan ialah oksitosin yang dikeluarkan semasa penyusuan boleh mengencutkan rahim dan membantu memberhentikan pendarahan selepas bersalin. Penyusuan ibu de-

HUKUM PENYUSUAN ANAK

Menyusukan anak damit yang masih dalam

kolostrium. Ada pun jangka masa Al-liba' itu tertakluk kepada pengkajian ahli bijak pandai, ada yang mengatakan kadarnya selama tiga hari dan ada juga yang mengatakan selama tujuh hari. Hukum wajib itu berlaku kerana anak damit tidak akan hidup atau tidak akan kuat pada kebiasaannya tanpa penyusuan dengan Al-liba'.

Apabila lahir seorang anak damit, maka adalah menjadi kewajiban kepada bapa anak damit itu untuk mencari orang yang boleh menyusukan anak tersebut.

Manakala seorang ibu pula wajib menyusukan anaknya dengan air susu yang baru keluar dari sejak kelahiran (Al-liba'). Al-liba' itu dipanggil dengan nama saintifiknya sebagai kolostrium. Warna kolostrium itu kuning seakan-akan warna oren dan ianya menyerupai seperti mentega yang cair dan kolostrium itu pekat dan melekit seperti sirap maple. Menurut kajian saintifik ianya mengandungi protein yang tinggi, zat besi dan mineral yang lain. Ianya juga mengandungi kurang lemak, karbohidrat dan kalori berbanding dengan air susu ibu yang keluar selepas

Bilangan 125 Bahagian Pertama

kolostrium.

Berlainan halnya, jika anak itu tidak berbapa atau bapa dan anak damit itu tidak memiliki harta ataupun anak itu tidak menerima susu perempuan yang lain atau anak damit itu anak zina atau tiada diperolehi perempuan lain yang boleh menyusukan, maka dalam hal ini penyusuan itu wajib ke atas ibunya.

Jika si ibu itu berkehendak untuk menyusukan anaknya, maka dia berhaklah menyusukannya. Menurut pengarang Al-Minhaj, berdasarkan pendapat yang ashah suami tersebut tidak berhak melarang isterinya menyusukan anaknya sendiri sebagaimana yang telah dishahihkan oleh kebanyakan ulama. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

berkewajipan membiayai penyusuan tersebut. Ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya." (Surah At-Thalaq ayat 6).

Berlainan halnya, jika anak itu tidak berbapa atau bapa dan anak damit itu tidak memiliki harta ataupun anak itu tidak menerima susu perempuan yang lain atau anak damit itu anak zina atau tiada diperolehi perempuan lain yang boleh menyusukan, maka dalam hal ini penyusuan itu wajib ke atas ibunya.

Jika si ibu itu berkehendak untuk menyusukan anaknya, maka dia berhaklah menyusukannya. Menurut pengarang Al-Minhaj, berdasarkan pendapat yang ashah suami tersebut tidak berhak melarang isterinya menyusukan anaknya sendiri sebagaimana yang telah dishahihkan oleh kebanyakan ulama. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya."

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Surah Al-Baqarah ayat 233)

Ini kerana larangan suami terhadap isterinya bagi penyusuan anak damit itu, boleh mendatangkan kesengsaraan kepada si ibu itu sendiri, kerana si ibu lebih rapat dan condong hatinya kepada si anak. Begitulah juga dengan susu ibu, ianya lebih serasi dan sesuai jika diberikan kepada anaknya sendiri. (Nihayah Al-Muhtaj: 7/222, Mughni Al-Muhtaj: 3/573)

Kewajipan suami membiayai penyusuan anaknya - sekalipun anak damit itu adalah anak isterinya sendiri - adalah berasaskan kepada firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu maka berikanlah kepada mereka upahnya." (Surah At-Thalaq ayat 6)

Jika si isteri itu meminta upah yang tinggi daripada suaminya se-

hingga melebihi upah yang sebanding atau ada perempuan lain yang mendermakan susunya atau perempuan lain itu meminta upah yang lebih rendah daripada upah yang sebanding, maka harus bagi suami untuk tidak memenuhi kehendak isterinya itu sebaliknya mengupah perempuan lain itu untuk menyusukan anaknya. (Mughni Al-Muhtaj: 3/573)

Sesungguhnya amalan penyusuan anak damit oleh perempuan yang bukan ibu kandung anak damit itu telah pun menjadi amalan masyarakat sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri semasa kecilnya disusukan oleh Tsuabiah iaitu salah seorang hamba perempuan daripada Abu Lahab dan Halimah As-S'adiyah iaitu ibu susuannya daripada Bani Sa'd.

Bersambung

JALAN UNTUK BERISTIQAMAH

ALLAH akan memberikan perlindungan dan pertolongan, baik di dunia mahupun di akhirat kelak serta diberikan Allah Subhanahu Wataala Syurga yang merupakan tumpuan kenikmatan dari segala kenikmatan yang kita rasakan ini, kepada orang-orang yang selalu bersikap istiqamah.

Istiqamah bermaksud teguh pendirian dalam menjalankan agama. Kita semua wajib untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat dengan jalan istiqamah. Jalan untuk menuju istiqamah, pertama sekali ialah dengan iman, kemudian

lurus dalam segala perbuatannya, baik hati mahupun anggota badan. Istiqamah tidak dapat dicapai dengan pangkat, harta dan kekayaan, bahkan semuanya itu akan membawa kegelisahan dan fikiran menjadi risau kerana tiada didukung oleh istiqamah serta adanya kosong daripada pancaran iman.

Allah Subhanahu Wataala telah menjanjikan bahawa orang yang selalu beristiqamah sama sekali tidak akan disentuh dengan perasaan takut, hatinya tidak diselubungi risau, susah dan tidak berdukacita dalam hidupnya, walaupun ia menghadapi hidup yang penuh derita. Sebagaimana fir-

man Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Fush Shilat ayat 30 - 32 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: 'Tuhan kami ialah Allah,' kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah Malaikat kepada mereka dari masa ke semasa (dengan memberi ilham): 'Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.'"

Kamilah penolong

kamu dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat dan kamu akan beroleh pada hari akhirat apa yang kamu cita-citakan mendapatnya (pemberian-pemberian yang serba mewah itu) sebagai sambutan penghormatan dari Allah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Ada dua macam penyakit yang mengancam kehidupan manusia yang tidak beristiqamah, iaitu rasa takut dan dukacita. Penyakit takut telah banyak menghinggapi manusia di mana ianya adalah suatu penyakit jiwa yang sukar disembuhkan. Rasa takut itu banyak ragamnya, misalnya takut hartanya habis dirampas orang, takut rugi dan sebagainya.

Rasa takut itu selalu menyelubungi perasaan kita dan membuatnya susah untuk tidur, hati menjadi gelisah dan risau.

Penyakit jiwa ini menghinggapi setiap manusia yang berhati kecil, berhati pesimis, yang tidak mempunyai kepercayaan diri dan pendirian hidup dan tidak mampu untuk menegakkan prinsip hidupnya sebagai hamba Allah.

Bagi orang yang beriman dan berhati istiqamah, hatinya dekat dengan Allah, maka tidak akan dihindangi rasa takut sebab mereka menyedari bahawa hidupnya ini merupakan proses yang telah

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

diatur Tuhan yang Maha Berkuasa. Selama aturan Allah Subhanahu Wataala itu dipatuhi dan ditaati, insya-Allah rasa takut kepada manusia di dunia ini akan hilang.

Tidak ada manusia yang berada di muka bumi ini yang tidak ditimpa atau lepas daripada cubaan dan ujian, semuanya pasti merasakannya baik sedikit atau banyak. Cubaan dan ujian itu bermacam-macam, ada yang berbentuk

kemiskinan, kehilangan kekuasaan, kematian dan sebagainya. Semuanya itu membuat hatinya susah dan gelisah. Tapi bagi orang yang beriman dan berhati istiqamah pasti akan dapat menguasainya apabila musibah datang melandanya. Diselesaikan semua musibah yang menimpa dirinya itu dengan baik sesuai dengan ajaran Islam sambil memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika menerima kunjungan muhibah Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob.

Brunei - Malaysia tingkat kerjasama penyiaran, penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Ogos. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa telah menerima kunjungan mu-

hibah dari Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob.

Sewaktu kunjungan

Oleh
Abu Bakar HAR

tersebut, Yang Berhormat dan Menteri Penerangan Malaysia telah membincangkan mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan dua hala kedua-dua buah negara terutama di bidang penyiaran dan penerangan.

Hadir di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Salman Ahmad; Ketua Setiausaha di Kementerian Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato Dr. Arshad Hashim; Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia, Yang Berbahagia Dato Alimusa Sulaiman dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

Senandung Muhibah RTB - RTM

Oleh Abu Bakar HAR

JERUDONG, 19 Ogos. - Rancangan Senandung Muhibah yang menggabungkan artis-artis Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah berlangsung dalam suasana yang menghiburkan yang diadakan di Taman Hiburan Amphitheatre di sini.

Hadir menyaksikan persembahan tersebut termasuklah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob.

Rancangan terbitan bersama Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) itu merupakan salah satu kejayaan perlaksanaan di bawah Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani di bidang penyiaran dan penerangan pada tahun 1992 bagi kedua-dua buah negara.

Sejak perjanjian persefahaman tersebut termeterai, pelbagai pertukaran rancangan telah dilaksanakan oleh RTB dan RTM termasuk pegawai dan kakitangan radio dan televisyen kedua-dua stesen penyiaran berkenaan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa meraikan Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob dan rombongan di Majlis Makan Malam.

JERUDONG, 17 Ogos. - Dalam era persaingan, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai organisasi penyiaran perlu meningkatkan kerjasama dan daya tuju ke arah tahap yang lebih cemerlang.

Semasa berucap di permuluan Mesyuarat Penyelidikan RTB dan RTM Ke-10 yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini, Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran

RTB - RTM PERLU TINGKAT KERJASAMA

Dato Paduka Haji Ismail juga menekankan perlunya kedua pihak mengkaji semula dan membincangkan status projek-projek yang akan dan telah dilaksanakan.

Di samping itu, RTB dan RTM tambanya, juga

perlu melihat dan menimbangkan beberapa projek kerjasama yang lain sama ada dari segi bantuan kakitangan, perkongsian pengetahuan dan sebagainya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Yang Berhormat Dato Alimusa Sulaiman dalam ucapan balasnya di mesyuarat itu menjelaskan beberapa kegiatan penyiaran yang akan dikenalpastikan dalam beberapa jangka waktu akan datang.

Menyentuh mengenai sedikit perkembangan yang akan diikuti dalam sedikit waktu, RTM katanya, dijangka akan melaksanakan Projek Studio Digital di samping menyediakan kemudahan-kemudahan penyiaran dalam bentuk digital sesuai dengan cabaran teknologi maklumat masa kini.

Dalam pada itu, Dato Alimusa turut melahirkan

Oleh
Siti Muslihat HS

harapan agar aktiviti-aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak akan menjadi titian bagi kedua stesen itu memantapkan lagi keupayaan masing-masing, bagi menentukan tercapainya matlamat ke arah menjadi stesen penyiaran yang mampu memenuhi cita rasa penonton dan penderengar masa kini.

Mesyuarat penyelidikan juga membincangkan pelbagai projek dan rancangan pertukaran yang telah, sedang dan akan dilaksanakan melalui radio dan televisyen kedua-dua buah stesen berkenaan.

Selain mengadakan mesyuarat penyelidikan, RTB dan RTM juga meng-

adakan persembahan hiburan bersama iaitu Persembahan Senandung Muhibah yang diadakan secara bergilir-gilir oleh kedua negara.

Tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Senandung Muhibah yang diadakan di Amphitheatre Jerudong Park.

Di bawah Memorandum Persefahaman di bidang penyiaran, RTB dan RTM telah berjaya mengendalikan beberapa rancangan pertukaran bersama melalui radio dan televisyen termasuk pertukaran berita, lintas langsung Rampai Pagi dan Selamat Pagi Malaysia, Liputan Sukan, Senandung Muhibah, Temasya Pantun, Penerbitan Bersama Drama, Salam Muhibah Mingguan dan Bermusim melalui radio dan Berbalas Pantun dan sebagainya.



MESYUARAT Penyelidikan RTB dan RTM Ke-10 dihadiri sama oleh Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Yang Berbahagia Dato Alimusa Sulaiman. Mesyuarat itu juga dihadiri sama oleh pegawai-pegawai kedua belah pihak. - Gambar oleh Masri Osman.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Utamakan kehidupan rumah tangga, keluarga

RUMAH tangga dan keluarga adalah merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam membentuk peranan dan tanggungjawab ibu bapa dan juga dalam mendidik anak-anak mereka ke arah menuju kesempurnaan dan keharmonian hidup. Adakalanya kehidupan bahagia tidak dapat dikecapi dengan baik dan sempurna sehinggakan terumbang-ambing, kucar-kacir serta tidak menentu hingga menyebabkan berlakunya penceraihan. Dengan berlakunya hal yang sedemikian menyebabkan anak-anak mereka merasa terkongkong serta ditambah lagi dengan tekanan perasaan sehinggakan mereka mudah untuk melakukan perkara-perkara yang negatif. Sebenarnya kehidupan berkeluarga tidaklah sama dan jauh sekali dengan kehidupan semasa bujang. Tanggungjawab dan peranannya adalah sangat berat dan mencabar serta memerlukan ketabahan.

Dapatlah ditakrifkan bahawa rumah tangga itu adalah merupakan perihai rumah dan kehidupan dalam rumah. Manakala takrif keluarga pula bererti seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri dan anak-anak.

Peranan kewajipan dan tanggungjawab ibu bapa bukanlah kecil malah adalah sangat besar. Tanggungjawab antara mereka berdua iaitu sebagai suami isteri dan tanggungjawab mereka kepada anak-anak. Oleh yang demikian, rumah tangga dan keluarga merupakan institusi yang pertama dalam mendidik, menunjuk ajar dan memberikan bimbingan dan nasihat selain peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh golongan-golongan lain seperti guru-guru, kawan-kawan dan sebagainya. Segala kelakuan dan perbuatan yang dilakukan oleh anak-anak semuanya bermula dari rumah. Ibu bapalah yang berperanan dan bertanggungjawab dalam mencorakkan anak-anak mereka. Oleh sebab itulah keutamaan ibu bapa sangatlah diharapkan dalam membentuk anak-anak mereka dalam menjalankan tanggungjawab dan kewajipan sebagai ketua dalam institusi rumah tangga dan keluarga.

Didikan yang sempurna melambangkan sebuah rumah-tangga dan keluarga itu mencapai keharmonian dan kebahagiaan. Didikan yang sepatutnya dan sewajarnya diberikan kepada anak-anak mereka ialah seperti didikan agama Islam yang selaras dengan pegangan kita umat Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Ibu bapa perlu mengajar dan menasihatkan kepada anak-anak mereka supaya menyuruh anak-anak mereka melakukan kebaikan serta menyuruh mereka meninggalkan larangan agama Islam. Ibu bapa juga sentiasa menggalakkan anak-anak mereka melakukan salat berjemah, mengajar membaca muqadim dan Al-Quran, mengajar adab-adab sopan-santun, adab-adab makan dan sebagainya yang menjurus kepada kebaikan. Dengan adanya pengajaran yang sedemikian, secara langsung mengelakkan anak-anak mereka daripada membuat segala perkara-perkara kejahatan dan kemungkaran.

Keutamaan ibu bapa juga perlu dalam memberikan kasih sayang kepada anak-anak. Kasih sayang tersebut bukanlah bermaksud memanjakan anak-anak tersebut sehinggakan ibu bapa menurut atau mengkehendaki segala hasrat anak-anak. Kasih sayang yang diberikan biarlah setakat yang memadai menurut ajaran-ajaran dan lunas-lunas Islam. Dan jangan sampai anak-anak terbiar begitu saja tanpa adanya belaian kasih sayang dari kedua ibu bapa. Anak-anak yang tidak ada belaian kasih sayang dari kedua ibu bapa akan merasa terkongkong dan kemungkinan besar mudah untuk berkawan dengan budak-budak yang nakal yang mungkin menyebabkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Ibu bapa harus juga berwaspada bahawa jangan diberikan belaian kasih sayang anak seratus peratus kepada orang gaji atau amah walaupun kedua-duanya sibuk dengan tugas masing-masing. Ini boleh mengakibatkan kasih sayang seorang anak itu akan berfokus sepenuhnya kepada pembantu rumah daripada ibu bapanya sendiri.

Oleh yang demikian, rumah tangga dan keluarga perlu diberikan keutamaan kerana ia bukanlah suatu yang remeh-temeh atau permainan, malah ia adalah merupakan rezeki untuk mendapatkan penghidupan yang baru dalam berumah-tangga dan berkeluarga dan untuk mendapatkan zuriat. Anak-anak yang telah dilahirkan itu perlu diberikan didikan yang baik dan sempurna, ditunjang ajar, diberikan nasihat dan disuruh melakukan perkara-perkara yang baik serta dilarang daripada melakukan perkara yang jahat. Ini kerana anak-anak itu nanti akan mengalami juga kehidupan sedemikian kelak. Oleh itu, rumah tangga dan keluarga itu merupakan kesinambungan yang perlu diutamakan dan dilaksanakan kewajipannya yang merupakan suruhan agama Islam yang di dalamnya mempunyai keberkatan dan hikmah.

Awang Zulhimi bin Haji Jaidin,
No. 21, Jalan 64 Lot 1433, Kampong Perpindahan
Lambak Kanan, BC 3115.
No. k/p: 265513.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Guru Semakin Mencabar Di Era Globalisasi'. Tarikh tutup 8 September, 2001.
2. 'UBD Teras Lahirkan Cendekiawan Negara'. Tarikh tutup 15 September, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Rumah Tangga dan Keluarga Perlu Diberi Keutamaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Wujudkan 'Rumahku Syurgaku'

RUMAH tangga merupakan titik permulaan bagi pembinaan sebuah institusi bernama keluarga. Rumah tangga yang bahagia dan harmoni yang semangannya menjadi idaman setiap pasangan suami isteri akan dapat menjaga kesinambungan keperluan kehidupan yang lebih bermakna dan bermanfaat. Proses memberi keutamaan ialah yang sering menghadapi bermacam cabaran, ujian dan pancaroba kerana beberapa aspek seperti taraf kehidupan, peredaran zaman dan kepentingan rumah tangga dan keluarga itu sendiri dalam kehidupan.

Keutamaan rumah tangga dan keluarga memang wajar dilaksanakan kerana ia berupa tanggungjawab dan tuntutan agama. Kewajipan menyediakan nafkah seperti makan minum, pakaian dan tempat kediaman serta aspek-aspek keselamatan dan kesihatan adalah perkara pokok yang perlu diberi perhatian. Ianya juga patut dilaksanakan secara berterusan dan mengikut kemampuan. Kebijaksanaan mengemudi dari pelbagai sudut yang meliputi keperluan sosial dan ekonomi akan menambah keceriaan, kesempurnaan dan kesejahteraan sebuah rumah tangga dan keluarga. Tersilap dan terabainya perlaksanaan tanggungjawab akan menimbulkan masalah, gejala negatif dan ketidak-tentuan hala tuju dalam hidup berumah tangga dan berkeluarga.

Faktor ilmu pengetahuan juga memainkan peranan dalam melayari bahtera berumah tangga

Toleransi penting dalam keluarga

KEMANTAPAN negara bergantung kepada kukuhnya masyarakat yang menjadi penduduknya. Masyarakat yang bahagia akan mewujudkan suasana yang menggalakkan dan merangsang generasi baru untuk terus maju dan memberi keyakinan kepada mereka terhadap masa depan yang cerah. Setiap keluarga mempunyai peranan yang penting dalam membangun masyarakat dan negara.

Oleh kerana peranan yang sangat penting inilah maka setiap individu seharusnya tidak memandang ringan hal-hal rumah tangga keluarga, bahkan sepatutnya memberikan keutamaan dalam memupuk dan menjadikan sesebuah keluarga yang aman dan harmoni.

Suami dan isteri hendaknya menyedari tanggungjawab dan amanah yang mereka pikul sebaik sahaja mereka mendirikan rumah tangga kerana dengan terdinya sebuah rumah tangga, maka di masa depan akan lahir sebuah keluarga, dan dari keluarga akan wujudlah masyarakat.

Masing-masing hendaklah bertolak ansur dan bertoleransi dalam keluarga serta banyak menumpukan perhatian dan kasih sayang kepada ahli-ahli dalam keluarga mereka. Ini kerana dengan adanya kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya dari kedua belah pihak, maka sesebuah keluarga itu akan terbentuk sebagai sebuah keluarga yang aman dan damai yang akhirnya akan menjadi sebuah institusi yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan negara.

Pada zaman moden ini, kebanyakan para isteri bekerja dan memegang jawatan yang agak tinggi. Ini secara tidak langsung banyak mengambil masa, perhatian dan tenaga mereka sehingga mereka terlalai dan tidak mengambil berat tentang hal-hal rumah tangga. Bahkan tanggungjawab mengasuh anak dan lain-lain telah diserahkan kepada pembantu rumah.

Atas sebab inilah, maka anak-anak ter-

biar tanpa perhatian dan kasih sayang dan ini akhirnya akan menimbulkan kesan buruk dalam jangka masa panjang. Mungkin anak-anak terbiar dan tidak diperdulikan, jadi mereka mencari jalan untuk menghiburkan hati mereka. Kerap kali anak-anak terutama yang sudah meningkat remaja terjerumus dalam masalah sosial ekoran dari pengabaian dan kurangnya perhatian dalam keluarga.

Sebagai kesimpulan, rumah tangga dan keluarga haruslah diberi keutamaan. Walaupun masing-masing pihak sibuk dengan kerja dan tanggungjawab yang tersendiri, namun hendaknya tanggungjawab terhadap keluarga dan rumah tangga juga tidak diambil ringan. Bahkan tanggungjawab terhadap keluarga adalah merupakan amanah yang amat besar dari Allah untuk makhluk-Nya dan kita hendaklah menjaga dan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kepentingan dan hal-hal keluarga dan rumah tangga.

Keluarga adalah asas dan sumber kekuatan masyarakat. Ini adalah kerana masyarakat itu terdiri dari unit-unit keluarga dan keluarga adalah laksana sel-sel yang membentuk tubuh. Jika keluarga baik, nescaya masyarakat pun akan menjadi baik dan sebaliknya jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak.

Sesebuah masyarakat itu pula akan menjadi baik dan dipandang baik hanya bila ia berlandaskan kepada satu sistem hidup yang hak iaitu Islam. Keluarga juga dianggap sebuah institusi yang mana dalam institusi inilah generasi muda diarahkan dan dididik untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab terhadap masyarakat, bangsa dan negara.

Awangku Suharman bin Pengiran
Tuah,
No. 89, Jalan Ban 5, Kampong Mulaut
BG 2121.
No. k/p : 270119.

ga dan berkeluarga. Pentingnya memiliki dan mengamalkan ilmu yang berhubung dengan kehidupan berumah tangga dapat membina sikap bertanggungjawab, bekerjasama dan berkasih sayang sesama ahli rumah tangga dan keluarga. Kursus-kursus dan motivasi mengenai rumah tangga dan keluarga dapat membina keperibadian, memenuhi tuntutan-tuntutan agama yang lain serta menjamin hidup yang lebih sempurna. Dengan khidmat nasihat, kaunseling dan agama, masalah rumah tangga dan keluarga dapat ditangani dengan bijaksana.

Pentingnya memenuhi hak dan tanggungjawab sama ada sebagai suami atau isteri dan tuntutan berbuat baik kepada kedua ibu bapa atau ahli keluarga secara timbal balas perlu menjadi amalan sepanjang masa. Setiap ahli keluarga perlu sedar untuk melaksanakan tugas masing-masing seperti mencari nafkah, memenuhi keperluan hidup berjiran dan bermasyarakat atau tuntutan-tuntutan dalam bentuk fardu ain dan fardu kifayah. Keperluan menitikberatkan rumah tangga dan keluarga akan dapat dilihat hasilnya dari aspek membina dan membentuk masyarakat umum yang lebih ramai, bermacam budaya dan berbeza kedudukan sosial dan ekonominya.

Kehadiran anak-anak dalam hidup berumah tangga pula perlu dilihat sebagai penyeri rumah tangga dan sememangnya ia beban untuk dijaga dengan sebaik-baiknya. Sebagai anugerah Allah yang paling berharga, ia juga sepatutnya

disyukuri sebagai amanah untuk generasi penerus ke arah berbuat bakti kepada agama, bangsa dan negara. Atas dasar keimanan dan berkasih sayang, rumah tangga dapat diwujudkan sebagai 'Rumahku Syurgaku' dan ia mampu dilaksanakan oleh semua ahli rumah tangga. Keutamaan memahami tanggungjawab inilah akan menjadi perintis untuk mende-wasakan kehidupan, mencipta kebahagiaan dan keharmonian serta melihat hasil usaha membina sebuah rumah tangga, keluarga dan masyarakat yang sejahtera.

Jauh daripada hasrat memenuhi apa juga keperluan hidup berumah tangga dan berkeluarga, ia sebetulnya proses menyediakan bekal dan membina sebuah kehidupan yang kekal di akhirat nanti. Rumah tangga dan keluarga dapat dijadikan tempat untuk menabur bakti dan berbuat amal salih, di samping menyempurnakan kewajipan-kewajipan yang lain dan semestinya untuk mencari keredaan Allah jua. Justeru itu, kenapa agama memberi keutamaan pilihan jodoh berumah tangga dengan orang yang kuat agama daripada mengambil kira sudut bangsa, pangkat dan kekayaan untuk menjamin kesejahteraan dan kebaikan hidup di dunia dan di akhirat.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21 'G' Kampong Burong
Pinggai Ayer, BM 1126,
No. k/p: 058132.

Brunei - Filipina tandatangani Perjanjian Pengiktirafan Sijil Pelaut

BERAKAS, 23 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Filipina telah menandatangani perjanjian bagi Pengiktirafan Sijil Pelaut Di Bawah Peraturan 1/10 Piawaian Latihan, Persijilan dan Penjagaan 1978, seperti pindaan 1995 untuk berkhidmat di atas kapal Brunei.

Di majlis menandatangani perjanjian di Ke-

Oleh Haji Ahat HI

menterian Perhubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, sementara Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh Setiausaha Buruh dan Pekerjaan selaku Pengerusi Majlis Latihan Maritim, Puan Yang Terutama

Puan Patricia A. Sto Tomas.

Di bawah perjanjian itu, Jabatan Laut akan mengeluarkan sijil-sijil pengiktirafan kepada pelaut-pelaut Filipina menjelang 1 Februari, 2002 yang mengiktiraf sijil-sijil kecekapan mereka yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Profesional Filipina (PRC).

Sijil-sijil pengiktirafan itu akan membolehkan pelaut-pelaut Filipina berkhidmat di atas kapal-kapal Brunei.

Perjanjian itu juga membolehkan pegawai-pegawai Jabatan Laut melawat kemudahan-kemudahan yang termasuk prosedur pemantauan dan dasar-dasar mengenai perkara-perkara yang berhubungan kait.

Ia juga memperuntukkan pegawai Filipina yang berkhidmat di peringkat pengurusan di atas kapal-kapal Brunei mendapatkan pengetahuan yang sesuai mengenai Undang-undang Maritim Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Setiausaha Buruh dan Pekerjaan selaku Pengerusi Majlis Latihan Maritim, Puan Yang Terutama Puan Patricia A. Sto Tomas menandatangani Perjanjian Bagi Pengiktirafan Sijil Pelaut Di Bawah Peraturan 1/10 Piawaian Latihan, Persijilan dan Penjagaan 1978. - Gambar oleh Halim HS.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Angelo T. Reyes menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Kerjasama pertahanan Brunei - Filipina

BOLKIAH GARISON, 22 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai Kerjasama Per-

Oleh Haji Ahat HI

tahanan, di Kementerian Pertahanan di sini.

Menurut siaran akhbar Kementerian Pertahanan, penandatanganan MOU itu adalah bagi mengemaskinikan lagi hubungan kerjasama pertahanan termasuk bidang-bidang latihan, kursus, pertukaran lawatan dan pegawai-pegawai kedua buah negara.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan menandatangani bagi pihak Kerajaan Republik Filipina ialah Setiausaha Pertahanan Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Angelo T. Reyes.

Hadir di majlis menandatangani itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato

Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

TYT Tuan Angelo T. Reyes dan rombongan adalah dalam rangka lawatan bersama rombongan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo yang mengadakan lawatan negara tiga hari ke negara ini.



ASEAN-SEOM Ke-4 bincang beberapa isu utama

BERAKAS, 14 Ogos. - Lebih 50 orang pegawai kanan ekonomi dari rantau ASEAN berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Ekonomi ASEAN (SEOM) Ke-4 bagi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-33 dan Konsultasi konsultasi dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Perbincangan SEOM ini bertumpu kepada beberapa isu seperti inisiatif integrasi ASEAN, Protokol Perlaksanaan Skim Keistimewaan, Cukai-cukai Kesan-Sama (Common Effective Preferential Tariff - CEPT), mengkaji semula Pelan Tindakan Hanoi, kajian mengenai pelaburan ASEAN, liberalisasi sektor perkhidmatan dan isu-isu antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kerjasama Ekonomi Asia-

Oleh Siti Muslihat HS

Pasifik dan Mesyuarat Ekonomi Asia-Eropah (ASEM).

SEOM juga membincangkan persediaan bagi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-33 yang dirancang akan diadakan pada 15 September, 2001 di Hanoi, Viet Nam dan persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 yang akan diadakan pada 5 hingga 6 November, 2001 di Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, Konsultasi-konsultasi SEOM dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN bermula pada 15 hingga 16 Ogos, 2001. Konsultasi-konsultasi berkenaan terdiri dari Konsultasi SEOM dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (SEOM + 3), Konsultasi SEOM dengan Kementerian Ekonomi dan Perdagangan Industri Jepun

(SEOM-METI Consultation), Konsultasi SEOM dengan Persekutuan Eropah (SEOM-EU Consultation), Konsultasi SEOM dengan pihak Pakatan Perhubungan Erat Ekonomi (SEOM-CER Consultation) dan Konsultasi SEOM dengan Pembantu Perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat (SEOM-Assistant USTR).

Di antara isu-isu yang dibincangkan di bawah Konsultasi-konsultasi SEOM ini adalah meneliti perkembangan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di bawah kerjasama ekonomi di antara ASEAN dan Rakan-rakan Dialog, membincangkan isu-isu antarabangsa dan serantau, di samping persediaan Mesyuarat AEM dengan Rakan-rakan Dialog yang juga akan diadakan di Hanoi, Viet Nam September depan.

SEOM merancang untuk membuat persediaan-

an-persediaan terakhir bagi Mesyuarat Ekonomi ASEAN (AEM) dan mesyuarat AEM dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN di Hanoi, Viet Nam juga pada September depan.

Sementara itu, sempena mesyuarat tersebut, satu sesi pendidikan mengenai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga diadakan secara serentak yang dihadiri oleh lebih 30 orang pegawai daripada negara tuan rumah dan lapan pegawai daripada anggota ASEAN yang lain.

Sesi pendidikan sehari itu antaranya memfokuskan kepada topik-topik yang menjurus kepada perdagangan dalam WTO dan disampaikan oleh dua orang penceramah dari Jepun iaitu Watanabe dari Biro Dasar Perdagangan dan Takao Shimizu dari Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI).



PEMANGKU Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, Awang Souyono Selamat selaku tetamu kehormat telah merasmikan seminar dua hari bagi pembangunan manusia di bawah program kerja lima tahun Pertubuhan Pelabuhan-pelabuhan ASEAN. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Kenal pasti pasaran perkhidmatan ASEAN

GADONG, 21 Ogos. - Seminar dua hari bagi pembangunan manusia di bawah program kerja lima tahun Pertubuhan Pelabuhan-pelabuhan ASEAN meneroka kepentingan keberkesanan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan di kalangan negara-negara ahli.

Oleh Samle HJ

an, Awang Souyono Selamat di sebuah hotel di sini.

Beliau antara lain menggariskan kepentingan tema yang dibincangkan selaras dengan trend masa kini dan perdagangan dan industri pelabuhan.

Menurutnya, sudah tiba masanya pelabuhan-pelabuhan mengenal pasti keberkesanan pasaran perkhidmatan

pelabuhan.

Tambahnya, hanya melalui keberkesanan pasaran saja membolehkan bagi penyediaan dan menambah nilai perkhidmatan untuk menyampaikan kepada pengeluaran pelanggan masing-masing.

Sepanjang seminar Dr. Lim Meng Soon dan Dr. Golam Mostafa Khan, dua penceramah undangan yang berpengalaman luas dalam bidang pasaran yang berkaitan menyampaikan kertas kerja masing-masing.

447 pelajar MTSSR lulus dalam pelbagai kemahiran

BERAKAS, 20 Ogos. - Seramai 447 orang pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang kemahiran, menerima sijil-sijil dan diploma mereka di Majlis Konvokesyen Ke-6 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Seramai 241 orang dari jumlah itu menerima diploma kebangsaan, 146 pradiploma kebangsaan dan 60 orang menerima sijil kejuruan.

Dalam sesi Disember 2000 - Jun 2001 ini, tiga pelajar menerima anugerah pelajar terbaik. Awang Mohammad Saidin terbaik dalam 'BDTVEC National Diploma In Aircraft Engineering (Avionics)', Dayang Maswani bagi 'BDTVEC Pre-National Diploma in Science' dan Dayang Noraarney dalam bidang 'BDTVEC National Diploma In Catering & Hotel Management'.

"Sudah tiba masanya, orang kitani merebut peluang-peluang bagi meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang terutama bagi melengkapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan," jelas Dayang Noraarney.

Anak sulung dari tiga orang adik-beradik berasal dari Daerah Tutong ketika ditemubual menjelaskan, bidang yang diceburinya, Penyajian Makanan dan Pengurusan Hotel memang sesuai dan memberikan banyak cabaran.

Menurutnya, bidang berkenaan yang baru diperkenalkan di negara ini mempunyai potensi dan peluang yang begitu luas untuk diterokai lebih jauh lagi.

"Saya akan terus me-

lanjutkan ilmu di bidang ini sejauh mana yang mampu dan yakin akan berjaya membuka perniagaan yang bersangkutan di suatu masa nanti," jelas Dayang Noraarney yakin.

Sementara itu, Pengerusi MTSSR, Awang Haji Mohd. Daud turut menyatakan kegembiraan di atas pencapaian para pelajar yang semakin meningkat terutama dalam bidang komputer yang banyak menyediakan peluang pekerjaan.

Menurut beliau,

MTSSR yang berusia lebih 30 tahun telah meningkatkan tahap pelajaran lebih tinggi kerana ia sangat penting ke arah kemajuan negara terutama dalam bidang permintaan yang tinggi iaitu teknologi informasi (IT).

"Ternyata banyak lepasan maktab telah berjaya menceburi pelbagai pekerjaan di sektor swasta, kerajaan dan persendirian yang sekali gus menyumbang kepada kemajuan negara," tambah Awang Haji Mohd. Daud.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

Tenaga mahir, berkualiti penentu kemajuan sosioekonomi

BERAKAS, 20 Ogos. - Tenaga tempatan yang berkemahiran dan berkualiti dalam memajukan sektor industri dan 'value added' merupakan faktor utama yang akan menentukan perkembangan sosioekonomi negara.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan berkata, peranan itu penting ketika negara memerlukan mereka bagi mempercepatkan usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

"Sudah tiba masanya para graduan khususnya dan setiap pelajar institusi teknikal dan vokasional tidak mengira peringkat, menganalisa dan melihat sendiri sejauh mana mereka akan dapat menyumbang bagi meningkatkan tahap pembangunan dan kemajuan negara sesuai dengan cita-cita dan aspirasi negara," jelas beliau di Majlis Konvokesyen Ke-6, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Para graduan dan pelajar tambah beliau, perlu mengubah tekad dan haluan daripada sentiasa berpuas hati dengan apa yang diperolehi kepada sentiasa meneroka, memanfaatkan masa dengan sebaiknya dan mencari peluang bagi mencapai kecemerlangan, memperbaiki diri dan meningkatkan taraf kemahiran yang ada secara berterusan demi untuk mengekalkan dalam meningkatkan 'competitive edge' masing-masing.

Beliau juga menekankan agar para graduan dan pelajar sentiasa menanam sikap positif, kreatif dan ingin maju, semangat mencapai kecemerlangan dan berdaya saing

serta tidak mudah putus asa dalam apa jua situasi.

Para graduan juga perlu berani meneroka bidang-bidang yang berpotensi yang mampu dijadikan sumber mata pencarian dan tidak semata-mata mengharapkan peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta dengan bersikap lebih terbuka serta berani mengambil peluang dengan mempergunakan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki untuk bekerja sendiri, membuka perusahaan dan perniagaan sendiri.

"Mungkin ini satu-satunya cara yang terbaik bagi mempraktikkan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi di samping mempelajari selok-belok perusahaan atau perindustrian yang akan melahirkan bakal usahawan-usahawan muda yang berjaya dan 'competitive' di negara ini," tambah beliau.

Beliau juga mengingatkan kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menggariskan pentingnya sumbangan sektor swasta dan usahawan kepada pembangunan ekonomi negara sehingga baginda memperkenankan beberapa skim galakan pinjaman kewangan bagi membantu para pengusaha-pengusaha kecil yang berkeinginan untuk menceburi bidang perniagaan melalui 'Micro Credit Financial Scheme' dan 'Entrepreneur Development Scheme' yang dihasratkan bagi memberikan latihan dan pengetahuan kepada lepasan institusi teknikal yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan menyampaikan sijil kepada seorang lulusan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) di Majlis Konvokesyen Ke-6 maktab berkenaan.

Gambar-gambar oleh Ramli Tengah, Abdullah HAD dan Pengiran Rafee PDPHM



Kelolaan oleh: SAMLE HAJI JAIT



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Larnat hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Khatam Al-Quran para lulusan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 maktab berkenaan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

27 lulusan MTSSR khatam Al-Quran

BERAKAS, 20 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran bagi 27 orang pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) telah diadakan sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mereka terdiri daripada lapan lelaki dan 19 orang perempuan, yang telah menamatkan pengajian mereka di maktab berkenaan dan telah Khatam Al-Quran 30 juz.

Para pelajar tersebut memulakan bacaan Al-Quran sejak awal bulan Januari hingga bulan Ogos.

Tetamu kehormat di majlis itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Larnat yang juga mengetuai membaca Surah Al-Faatihah.

Oleh Aliddin HM

Majlis Khatam Al-Quran itu adalah merupakan projek tahunan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR).

Penyertaan mereka itu dihasratkan dapat memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar-pelajar yang lain untuk berjinak-jinak dengan kitab suci Al-Quran dan seterusnya mengamalkan pembacaan Al-Quran.

Di samping itu juga, dihasratkan dapat memberi kesan yang mendalam kepada mereka yang khatam bagi menghayati kitab suci Al-Quran menjadikannya satu amalan harian dan budaya dalam kehidupan harian mereka khususnya masyarakat Islam seluruhnya.

Majlis diikuti dengan para peserta Khatam Al-Quran memperdengarkan bacaan mereka dengan membaca surah-surah dari ayat-ayat suci Al-Quran.

Sementara bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Sarbini.

Majlis diselenggarakan dengan bacaan tahlil yang dipimpin oleh Ustaz Haji Hamdillah bin Haji Serudin dan seterusnya diikuti dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Awang Haji Sapar bin Haji Pudin dan penyampaian sijil kepada para peserta khatam oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Ustaz Haji Hamdillah bin Haji Serudin.



PARA lulusan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran memperdengarkan bacaan mereka.



SKIM PERANTIS BAGI GRADUAN DAN LEPASAN HND

SEMUA graduan dan lepasan HND yang telah mendaftar di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Jabatan Buruh dengan ini dipelawa untuk memohon mengikuti Skim Perantis di dalam jawatan yang sesuai seperti yang ditawarkan oleh majikan di bawah ini:

BIL. IKLAN	NAMA SYARIKAT	JAWATAN YANG DITAWARKAN	BIDANG/JURUSAN KELULUSAN YANG DIKEHENDAKI	
			IJAZAH	HND
007.01.01	SINDUN M. J. SERVICES	SECRETARY		BUSINESS STUDIES/SECRETARIAL STUDIES
		COMPUTER TEACHER		COMPUTER STUDIES
07.01.02	OLIVE TREE CORPORATION SDN BHD	SHIFT MANAGER	HOSPITALITY & CATERING	HOSPITALITY & CATERING
		SHIFT MANAGER		
		SHIFT MANAGER		
		SHIFT MANAGER		
		SHIFT MANAGER		
07.01.03	FOCUS COMPUTER SCHOOL	LECTURE	IT/S COMPUTER RELATED	IT/S COMPUTER RELATED OR KNOWLEDGE IN MECROMEDIA, VB, JAVA
		ENGLISH TEACHER TUTOR	ENGLISH/EDUCATION	
07.01.04	SYARIKAT PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU BHD	PENYELIA STESEN		BUSINESS STUDIES, BUSINESS ADMIN, AND FINANCE
07.01.05	SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI	PREMISES OFFICER TRAINEE	BUILDING OR CONSTRUCTION	
07.01.06	ASASREKA ARKITEK	ARCHITECTURAL DRAUGHTSPERSON/ AUTOCAD OPERATOR		BIDANG ARKITEK ATAU INTERIOR DESIGN DAN MEMPUNYAI KEMAMPUAN AUTOCAD
07.01.07	ABRAHAMS, DAVIDSON & CO	LEGAL CLERK		BUSINESS FINANCE
		LEGAL SECRETARY		SECRETARY SHIP
07.01.08	R.L.N. TUITION SCHOOL	TUTOR/LECTURER (POA)	ARTS	
		TUTOR/LECTURER (PHYSICS)	SCIENCE	
		TUTOR/LECTURER (GURU AGAMA/QURAN)	AGAMA & QURAN	
07.01.09	NATIONAL INSURANCE CO BHD	TRAINEE UNDERWRITER	BUSINESS AND/OR FINANCE PLUS 'O' LEVEL CREDIT IN BIOLOGY	BUSINESS AND/OR FINANCE PLUS 'O' LEVEL CREDIT IN BIOLOGY
07.01.10	DELOITTE & TOUCHE	AUDIT ASSISTANT	ACCOUNTING/BUSINESS	BUSINESS STUDY
		TAX ASSISTANT		BUSINESS STUDY
		CORPORATE SECRETARIAL ASST		
07.01.11	SYARIKAT INDAH SEJAHTERA DEVELOPMENT & SERVICES CO	MARKETING SALES		MARKETING
		SYSTEM ENGINEERING		COMPUTER STUDIES
		ACCOUNTS ASSISTANT		BUSINESS & FINANCE
07.01.12	INTELEK SCHOOL	PENGURUS PEMASARAN	MARKETING	
		AKAUNTAN		AKAUNTAN
07.01.13	ANTARA TRAVEL & TOURS	GURU MATHS	MATHEMATICS	
		PUBLIC RELATIONS/EDUCATION LIAISON	PUBLIC RELATION/HOSPITALITY	
07.01.14	OSCO SDN BHD	JURUTERA	CIVIL ENGINEERING	
		SURVEYOR		CIVIL ENGINEERING

Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Jabatan Buruh dan hendaklah dikembalikan sebelum atau pada **hari Sabtu 8 September, 2001** bersamaan 20 Jamadilakhir 1422 jam 4.30 petang. Pemohon-pemohon yang terpilih akan dipanggil untuk ditemuduga pada suatu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Penerangan lanjut boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Jabatan Buruh melalui telefon 382676, faks : 382969 dan Email cankerja@buruh.gov.bn



JAWATAN KOSONG DI WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION (WIPO)

No.	Jawatan	Tempat	Gaji Setahun	Tarikh Mansuh Permohonan
1	Deputy Director	WIPO Worldwide Academy and Division of Human Resources Development, Sector of Cooperation for Development	From US\$70,157	4 Oktober, 2001
2	Head	Standards and Documentation Service IT Services Division	From US\$70,157	15 Oktober, 2001
3	Senior Legal Officer	Trademark Law Section Industrial Property Law Division	From US\$59,255	8 Oktober, 2001
4	Senior Legal Officer	Patent Law Section Industrial Property Law Division	From US\$59,255	8 Oktober, 2001
5	Legal Officer	PCT Legal Affairs and Promotional Activities Section PCT Legal Division Office of the PCT	From US\$49,756	27 September, 2001

No.	Jawatan	Tempat	Gaji Setahun	Tarikh Mansuh Permohonan
6	Assistant Evaluation Officer	Internal Audit and Oversight Division	From US\$41,25	4 Oktober, 2001
7	Head	Media Relation and Public Affairs Section Office of the Special Counsel to the Director of General	From US\$70,157	27 September, 2001

Syarat Asas:

- Mempunyai kelulusan, ijazah atau sijil di bidang berkenaan.
 - Berkebolehan bercakap dalam bahasa Inggeris dan Perancis adalah satu kelebihan.
- Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:
Jabatan Ekonomi Pelbagai Hala, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2710, Negara Brunei Darussalam.
No. telefon: 02-261177 sambungan 221/176/156/157, No. faks: 02-262480, E-mel: dne@brunet.bn



JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEPTEMBER 2001

Tarikh	Hari	Pusat Perhentian	Jam
5 September, 2001	Rabu	Sekolah Rendah AHMY Katimahar	9.30 pagi
6 September, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Jerudong	9.00 pagi
8 September, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah SUAS Muara	9.00 pagi
8 September, 2001	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
10 September, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Kasat	9.30 pagi
11 September, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Mulaut	9.30 pagi
12 September, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Junjongan	9.30 pagi
13 September, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Penglima Berudin, Limau Manis	9.30 pagi
15 September, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah Mentiri	9.00 pagi
17 September, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Lumapas	9.30 pagi
18 September, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Bebuloh	9.30 pagi
19 September, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Putat	9.30 pagi
20 September, 2001	Khamis	Sekolah Rendah OKSB Kilanas	9.30 pagi
22 September, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah PPSDSB Perpindahan Mata-Mata	9.30 pagi
22 September, 2001	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
24 September, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Serasa	9.30 pagi
25 September, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	9.30 pagi
26 September, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Pengkalan Batu	9.30 pagi
27 September, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Masin	9.30 pagi
29 September, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah Panchor Mural	9.30 pagi



KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-Syarat Tawaran:

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Bangunan Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan, dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan diberikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.

a) Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan tawaran KK/44/2001 hingga KK/47/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, **hari Isnin, 17 September, 2001.**

a) Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan tawaran KK/TK/87/2001 hingga KK/TK/89/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, **hari Isnin, 17 September, 2001.**

- Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran yuran tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

- Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

Siji Perniagaan yang masih Sah Laku.

TAWARAN-TAWARAN BIASA

Bilangan Tawaran : KK/44/2001: SUPPLY AND DELIVERY OF 100% COTTON CELLULAR BLANKET FOR (3) THREE YEARS. Yuran Tawaran: \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/45/2001: MAINTENANCE, REPAIR AND MINOR NEW BUILDING WORKS FOR MINISTRY OF HEALTH. Kelayakan pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Categories/Class: II dan III. Yuran Tawaran: \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/46/2001: MAINTENANCE, REPAIR AND MINOR NEW BUILDING WORKS FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL. Kelayakan pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Categories/Class: II & III. Yuran Tawaran: \$200.00.

Bilangan Tawaran : KK/47/2001: SERVICE CONTRACT FOR STERILIZATION OF COMPLETE WATER CIRCULATION SYSTEM AT THE (4) DIALYSIS CENTRES FOR (3) THREE YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran: \$200.00.

TAWARAN-TAWARAN KECIL

Bilangan Tawaran : KK/TK/87/2001: TWO (2) YEARS PERIODIC CLEANING SERVICES FOR HEALTH SCREENING CENTRE, JALAN BERAKAS MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Kelayakan pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Yuran Tawaran: \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/88/2001: TWO (2) YEARS PERIODIC CLEANING SERVICES FOR DENTAL CENTRE, OLD AIRPORT JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Kelayakan pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Yuran Tawaran: \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/89/2001: UPGRADING FIRE DOOR WITH METAL FIRE DOOR, VARIOUS PLACES AT RIPAS HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN. Kelayakan pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Yuran Tawaran: \$100.00.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3033: SHELTER INDIVIDUAL. Bayaran Cagaran: \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/2001/Z/3031: CASE WOOD (2 JENIS). Bayaran Cagaran: \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/2001/W/3003: PROVISION OF REPLACEMENT COMPONENTS AND LEADS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES. Bayaran Cagaran: \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/73: THE MAINTENANCE CONTRACT OF THE LIGHT COMMUNICATION EQUIPMENT IN THE RBAF (THREE YEAR CONTRACT). Bayaran Cagaran: \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang **hari Isnin 24 September, 2001.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada **24 September, 2001 hari Isnin** jam 10.30 pagi.

- Wang bayaran Tawaran hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran: Isnin - Khamis: 8.00 pagi - 11.30 pagi, 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat: 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Pembekal hendaklah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.

TAWARAN LESEN PENGUSAHA INBOUND TOUR

PENGUSAHA-pengusaha yang berminat adalah dijemput untuk menjalankan perusahaan 'inbound tour' di dalam Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syaratnya:

- Setiap permohonan mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Setiap permohonan mestilah menghadapkan pelan bisnes (business plan) bersama surat permohonan.
- Setiap permohonan mestilah dihadapkan ke bahagian Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebelum **30 September, 2001.**



JABATAN TELEKOM BRUNEI, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "The Provision Of A Second Mobile Telephone System In Brunei Darussalam." (Tender Reference No: KPH/S/MTB/1/2001)
- Satu set dari tawaran-tawaran berkenaan, iaitu yang asal, hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan (ORIGINAL DOCUMENTS) BIDDING FOR THE PROVISION OF A SECOND PUBLIC MOBILE TELEPHONE SYSTEM IN BRUNEI DARUSSALAM. (Tender Reference No: KP(MC)/TEL/9.11/2-1). Tanpa menunjukkan identiti penender/pembiada dan ditujukan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada **hari Isnin 17 September, 2001.**
- Dua set salinan tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan (COPIES) BIDDING FOR THE PROVISION OF A SECOND PUBLIC MOBILE TELEPHONE SYSTEM IN BRUNEI DARUSSALAM. Tanpa menunjukkan identiti penender/pembiada dan ditujukan kepada: Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BS3910, Negara Brunei Darussalam. Pada hari Selasa 18 September, 2001 dan bukan sebelumnya.
- Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam selepas 6 Ogos, 2001 dengan harga B\$1,000.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau mana-mana tawaran.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan bank guarantee.



**JABATAN
PENDIDIKAN TEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
PENDAFTARAN BAGI TAHUN 2002
BAGI KELAS PENDIDIKAN LANJUTAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa kelas-kelas Pendidikan Lanjutan, Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam dibuka untuk pendaftaran bagi tahun 2002.

Mata pelajaran-mata pelajaran yang ditawarkan adalah :

1. Kelas Ilmu Perdagangan menaip, Trengkas (Sesi pertama dan simpan kira Akiran Inggeris).
2. Kelas Urusan Rumah Tangga iaitu Masakan, Potongan dan Jahitan, Gubahan Bunga dan Anyaman.
3. Bahasa Melayu bagi orang-orang asing.
4. Bahasa-Bahasa asing - Bahasa Jepun, Bahasa Cina, Bahasa Arab,

Bahasa Tamil dan Bahasa Thailand.

5. Kelas Akademik Peringkat Menengah Bawah, Menengah Atas, 'O' dan 'A'.
6. City and Guilds 6165 (Teknikal).
7. Kelas Jahitan Songkok.
8. Kelas Muqaddam dan Al-Quran.

Tarikh menerima permohonan kursus-kursus ini akan bermula pada 1 September, 2001 hingga 29 September, 2001.

Hari Isnin hingga Sabtu (kecuali hari Jumaat dan Ahad): Jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi. Jam 10.30 pagi hingga 11.30 pagi. Jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Bagi pemohon-pemohon pelajaran akademik yang sedang menunggu keputusan akhir tahun 2001 adalah dilanjutkan dua (2) minggu setelah keputusan peperiksaan diumumkan.

Borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik beralamat Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Simpang 347, Jalan Pasar Baru Gadong BE 1310, Negara Brunei Darussalam atau melalui Penyelia-Penyelia Pendidikan Lanjutan. Borang yang tidak lengkap tidak akan dilayan.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 24 September, 2001. JPH/S/TAW/129 : MEMBAIKI JALAN MASUK BEREK JABATAN PERHUTANAN DI ANDULAU.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2 Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak \$200.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan.
Dari segi pasaran pula, sistem perbankan menyediakan keperluan asas masyarakat di peringkat bawah dengan menawarkan kereta, rumah dan pembiayaan pembelian barangan, selain membantu pelanggan untuk menabung, membeli kereta, membeli rumah, memberikan pendidikan kepada anak-anak menunaikan haji, menyediakan majlis perkahwinan dan menabung bagi persediaan persaraan. Ia juga berperanan meningkatkan keperluan peribadi, keluarga dan pemiagaan.

Menurut Dr. Yahia perancangan yang perlu dibuat ke arah menghindarkan sistem riba termasuklah mengembangkan produk-produk berkualiti sebagai gantian kepada pelaburan ekuiti tradisional, di samping penetapan pendapatan dan pelaburan terus termasuk mengembangkan pasaran kewangan jangka pendek bagi peruncit dan institusi pelaburan.

Untuk masa hadapan, beliau berharap agar akan wujud sistem perbankan di dunia yang mempunyai tanggungjawab sosial, adil, membantu pembiayaan dan pelaburan untuk semua masyarakat tanpa mengira kepercayaan, etnik, latar belakang, warganegara, bangsa dan bahasa.

Antara falsafah yang dilaksanakan di American Finance House - LARIBA ialah, menghindarkan riba secara berperingkat dalam satu masa, bermula daripada perkara mudah untuk mencapai yang lebih susah dan berpegang kepada 'apa jua yang belum boleh dicapai tidak harus ditinggalkan begitu sahaja'.

Juga penting ialah memanfaatkan masa dan memahami matlamat seta bersikap telus, di samping berusaha mendapatkan reda Allah.



Kelulusan: Sahari Akim



ARENA SUKAN

INDONESIA JUARA FESTIVAL PENCAK SILAT TMB 2001



RASMI ... Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman mencabut keris sebagai tanda perasmian Festival Seni Silat ASEAN Tahun Melawat Brunei 2001. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



TAHNAH ... Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mohd. Puteh menyampaikan pingat kepada pesilat Negara Brunei Darussalam yang memenangi perlawanan Festival Seni Silat. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Kelolaan : Haji Ahat HI

REPUBLIK Indonesia muncul sebagai juara keseluruhan Pertandingan Pencak Silat Seni sempena Tahun Melawat Brunei 2001 dengan merangkul dua emas, satu perak dan satu gangsa dan wang tunai \$3,000.00.

Pertandingan kali pertama peringkat ASEAN itu memperlihatkan penguasaan pasukan Republik Indonesia dalam acara-acara wiragana wanita, wiraloka, wiragana berpasangan lelaki, wirasanga berpasangan wanita dan wiragana lelaki.

Tuan rumah, Brunei Darussalam 'B' menduduki tempat kedua dengan merangkul satu emas, dua perak dan dua gangsa dan wang \$2,000.00 melalui acara-acara wiragana lelaki dan wanita, wiragana berpasangan lelaki dan wanita, wirasanga berpasangan lelaki dan wanita dan wiraloka.

Thailand menduduki tempat ketiga dengan meraih satu emas, satu perak dan satu gangsa dan wang \$1,000.00 melalui acara-acara wiragana lelaki dan wanita, wiragana berpasangan lelaki dan wanita dan wirasanga berpasangan lelaki.

Republik Filipina merangkul satu emas acara wirasanga berpasangan lelaki, Malaysia satu perak acara wiraloka dan Brunei Darussalam 'A' memperoleh satu gangsa acara wiraloka.

Selain mempertandingkan peringkat ASEAN, Festival Pencak Silat Seni itu juga mempertandingkan acara wiragana lelaki, wanita dan wiraloka antara perguruan persilatan dalam negeri.

Festival anjuran bersama Bahagian Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Persekutuan Pencak Silat Brunei (PERSIB) disertai oleh lebih dari 30 orang pesilat dari negara-negara Republik Indonesia, Thailand, Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan yang bermula pada 17 hingga 10 Ogos lalu di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas itu dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Haji Abdul Rahman.



JUARA ... Pasukan Polo Australia merangkul Piala Kejohanan Polo Jemputan TJEP selepas menundukkan pasukan tuan rumah dalam perlawanan akhir di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Hamadi HM.

Australia juarai Polo Jemputan TJEP

PASUKAN Polo Australia muncul juara Kejohanan Pertama Polo Jemputan Trijaya Jerudong Equestrian (TJEP) setelah menumpaskan Brunei 'B' 9 - 4 dalam perlawanan akhir di Padang Kelab Polo Jerudong pada 12 Ogos lepas.

Di awal permainan chakka pertama, kedua pasukan terikat seri 1 - 1 dan di chakka kedua pula pasukan pelawat menambahkan dua jaringan menjadikan kedudukan 1 - 3 dan di chakka ketiga, kedua pasukan masing-masing hanya menajaring satu jaringan menjadikan 2 - 4.

Selepas mengatasi 2 - 4, pasukan pelawat terus bertindak garang di chakka keempat dengan memperolehi empat jaringan lagi menjadikan 1 - 8. Tiga jaringan pada chakka keempat diperolehi melalui ketua pasukan, Andrew Williams.

Meskipun ketinggalan, tuan rumah yang membariskan pemain-pemain yang terdiri Pengiran Anak Haji Abdul Ali,

Basman Haji Lamit, Sue Kwok Wah dan Abu Kassim bermain lebih bersemangat melakukan serangan-serangan tetapi gagal menepati sasarannya.

Kemudian di chakka kelima, kedua-dua pasukan gagal mendapat jaringan dan di chakka keenam, tuan rumah memperolehi dua jaringan melalui Abu Kassim, manakala pasukan pelawat hanya menambah satu jaringan menjadikan kedudukan keseluruhan, Australia mengatasi Brunei.

Tempat ketiga disandang oleh Pasukan RIZKINUSA-CIC Bank of USA selepas menumpaskan Pasukan Brunei 'A' 7 - 2.

Kejohanan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 itu disertai oleh Pasukan Bukit Sentul - Indonesia, JPEC-Jakarta, Australia, RIZKINUSA-USA dan dua pasukan tempatan.

Skuad negara terkeluar Mejar (U) Pg. Haji Ali juara Kejohanan Golf

JARINGAN Zainuddin Ariffin dalam masa tambahan di perlawanan kelayakan Piala Malaysia di Stadium Negara Hassanah Bolkiah 28 Ogos lepas menamatkan impian skuad negara untuk layak beraksi ke Kejohanan Piala Malaysia tahun ini dengan kekalahan agregat 4 - 3.

Penyerang Kelantan TNB itu melakukan gerakan pantas dari kiri dan terus melakukan rembatan leret, masuk menewaskan penjaga gol tuan rumah, Mohd. Wardun Yusoff ke tepi kiri pintu gol tuan rumah.



SELAMAT ... Penjaga gol TNB, Wan Kamaluzaman Mohd. menolak bola tinggi dari percubaan Riwardi Wahit dalam pertemuan saringan Piala Malaysia di Stadium Negara Hassanah Bolkiah. - Gambar oleh Hamadi HM.

Jaringan tersebut melenyapkan terus impian skuad negara meskipun awal dari itu barisan tuan rumah mempamerkan permainan cemerlang sebelum permainan ditamatkan dengan kedudukan seri 2 - 2 dan kemudian dilanjutkan dengan perlawanan penentuan 'sudden death'.

Terdahulu di awal permainan, Kelantan TNB mendahului 1 - 0 melalui jaringan Mohd. Sufian Daud dan Fadlin Gelawat, kemudian menyamakan kedudukan 1 - 1 melalui tandukan tinggi daripada hantaran Riwardi Wahit.

Permainan terus dikuasai oleh tuan rumah dengan melancarkan banyak percubaan, tetapi berjaya dihalang oleh penjaga gol Kelantan TNB, Wan Kamaluzaman Mohd. yang bertindak cemerlang.

Bagaimanapun kekebalan pertahanan pasukan pelawat itu bocor juga akhirnya apabila sepakan bebas Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit terlepas daripada dakapan penjaga gol Wan Kamaluzaman Mohd. dan Riwardi Wahit berjaya menolak bola masuk menjadikan kedudukan 2 - 1.

Tuan rumah yang jelas hampir untuk beraksi ke Piala Malaysia tersentak, apabila pasukan pelawat menyamakan kedudukan 2 - 2 di minit terakhir dan perlawanan berlanjutan hingga ke masa tambahan yang berkesudahan memihak kepada Kelantan TNB 3 - 2 selepas seri 1 - 1 di Kelantan.

MEJAR (U) Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Tuah berjaya merangkul kejuaraan Kejohanan Golf merebut piala Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong.

Pemain yang mempunyai handikap 20 itu berjaya mencatatkan 68 (OCB), manakala Pengiran Haji Mohd.



JUARA ... Mejar (U) Pengiran Ali menjulang piala Kejohanan Golf sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-55 Tahun. - Gambar oleh Hamadi HM.

Yakub bin Pengiran Othman yang juga mencatatkan 68 (OCB) muncul sebagai naib juara dan pendatang baru di arena golf, Ang Swee Shuan menduduki tempat ketiga dengan catatan 69 (OCB).

Pemenang piala Hari Keputeraan ini tahun lalu disandang oleh Leftenan Kolonel Kamaluddin bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, pemain veteran, Haji Mohd. Sout bin Moksin pula berjaya menjuarai keseluruhan gross dengan mencatatkan 83. Kedua, Leftenan Kolonel Haji Nasir bin Haji Momin dengan mencatatkan 84 dan ketiga, Leftenan Kolonel Dato Seri Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abdul Aziz dengan mencatatkan 85.

Pemenang nett bagi division 'A' disandang oleh Haji Mohd. Aziyan, juara division 'B' Haji Idris bin Haji Belaman dan Mejar Zakaria menjuarai division 'C'.

Kejohanan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 itu disertai oleh lebih 80 orang pemain dan hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengurus Umum BLNG, Sven Erikson.

PUISI

PENENTUAN

Hidup di dunia
bagaikan sebuah kumar
diterangi cahaya
hidup tidak bersendirian
hidup punya atar cara
mengurus kehidupan.

Hidup di alam barzakh
bagaikan lubang sempit gelap
belum menduga akan berlaku
hidup bersendirian
tidak terurus
diri sendiri.

DESA DAN KESEPIAN

Di desa ini kita diputerakan
dibesarkan menjadi dewasa
supaya mengenal dunia realiti.

Di desa ini kita dididik
untuk mencipta kebahagiaan
kini hati terasu bahagia.

Di desa ini kita diasuh
menjadi mudi terhormat
kemahmahan akan jadi kebanggaan.

Di desa ini
kita tidak pernah sepi
namun akan bersendirian jua

Haji Mohd. Ariffin

BIARLAH

Segalanya seperti mimpi
bila tidur ia hadir
bila jaga ia pergi.

Tiada niatku meletakkan
dirimu di hatiku...
namun...karena kamu
sering menjamah
kerinduanku...

Ingin aku lontar jauh-jauh
tapi tiada aku berdaya
biarlah...
biarlah...
aku menghirup hari-hari
biarlah...
aku menghimpun rindu
biarlah...
aku menganyam duka
kerana...
kau telah pun dimiliki.

DI PERSIMPANGAN

Di persimpangan ini
aku mencari
dan teras mencari
sesuatu yang tak pasti.

Di persimpangan ini
satu kekeliruan terjadi
penah tanda tanya
penuh dengan keresahan.

Di persimpangan ini
dengan penderitaan
berakhirnya persoalan
dengan satu jawapan!

Lainnya

WARNA

Putih merah kuning hitam
hijau biru coklat kelabu
kuning ungu dan seribu.

Satu warna
ada sama ada beza
ada tebal ada nipis
ada nada ada rasa
ada terang ada kabur
ada kekal ada luntur.

Warna-warna itu bisa
bikin seribu makna
bikin sejuta rasa.

Manusia ada warna
mewarna dan diwarnai,
rubahnya kalanya rambutnya
budayanya dan hidupnya
semuanya itu
adalah lambang peribadi

hati dan budinya
adalah lambang bangsa
dan peradabannya.

Rambut sama hitam
hati lain-lain
bila sudah rambut diwarnakan
dari yang putih
bila sudah hati dimudakan
dari yang tua
bila sudah jasad dipalsukan
dari yang asal.

Apa maunya
ke mana sasarannya
tunggu dan lihat
kalau kerana-Nya
teruskan!.....

Sooryassin

SEBUAH DODOIAN

Biarkanlah daku sendiri
merawat hatiku yang remuk-redam
menangis tangisan derita
dalam kepekaan malam yang hitam
bermimpikan mimpi yang mengharukan
dalam panahan pucat sang rembulan
sehingga dinikmati menyakitkan
menunggu di tubir waktu
tanpa kesudahan.

Tanganmu menggapai ruang kosong
di sebelahku
meraba-raba kekosongan
kehidupan yang tiada erti
bagai tempoh
yang tiada berpenghujung.

Namun hatiku tetap merindumu
tak menemani daku
tubuhku yang kebas menggigil
di malam sunyi yang amat dingin.

Tiada sesuatu pun
memanaskan daku
tiada sesuatu pun
memujuk gementarku
tiada sesuatu pun
kecuai bayanganku yang bisu
terpacul di dinding kamarku.

Daku dodoikan jua diriku ini
dengan dodoian lagu tanpa simfoni
daku tahu daku mampu berdiriku
daku tetap bahagia walau bersendiru.

Siapa memerlukan dunia ini
jika dia sentiasa hidup dalam zikirku
pendamping yang tidak pernah alpa
menjagaku setiap waktu.

Hamim Al-Bunuti

LUKIRAN WAJAH SEMALAM

Lukiran wajah semalam
menceritakan tangisan anak-anak muda
yang kehilangan hala tuju
mencari jati diri yang hilang.

Wajah suram menceritakan derita
sekarang
tanpa kepastian yang nyata
bilakah ianya terjawab
tangisan yang masih meninggalkan sedu.

Anak damit yang kehilangan ibu bapa
tanpa meninggalkan jejak-jejak bahagia
tangisan mereka menggoncang suasana
tadahan tangan mengharapkan
pembelaan.

Adakah ini bisa memberikan jawapan
menanti penyelesaian terungkap
di dalam paparan lukisan carta
kehidupan
merenung lipatan sejarah silam.

Orang tua melabuh jaring kehidupan
keringat gugur di bumi gersang merkauh
anak muda bermain tining berkaki
ayam
disambut sorak gembira.

Terguris luka melihat gambar kehidupan
yang belum menjanjikan harapan
lalu bertubi seruan semangat
pembelaan jati diri bangsa yang kian
pudar.

Helmi Halim

Dari muka 12

Bakri diam. Kali ini
dia tidak tunduk. Raut
mukanya tambah men-
cuka.

"Di mana masanya un-
tuk membuat kerja rumah
yang diberikan oleh cik-
gunya?"

"Saya faham cikgu.
Tapi saya mahu dia pan-
dai. Dia lulus dalam
peperiksaan."

"Macam saya katakan
tadi, tindakan Cik Bakri
ada silapnya. Cik Bakri
seperti mendera anak
sendiri."

"Saya tak faham, me-
ngapa cikgu melarang
saya menghantar anak
saya ke kelas tuisyen?"

"Saya tidak mengha-
lang. Tapi cuba Cik Bakri
fikir, bila masa anak Cik
Bakri untuk berehat? Un-
tuk bermain? Untuk mem-
buat kerja rumahnya?"

"Jadi apa yang harus
saya lakukan?"

"Cik Bakri boleh
menghantar anak Cik
Bakri ke kelas tuisyen.
Tapi jangan setiap hari.
Suruh dia menghadapi sub-
jek yang dia lemah saja.
Tak perlu semua mata
pelajaran dia kena meng-
hadiri kelas tuisyen."

Itu masalah pelajar
pertama. Pelajar kedua
lain pula kisahnyanya. Dia
mengadu masa untuknya
mengulang kaji pelajaran
dan membuat kerja rumah
yang diberikan oleh guru-
gurunya amat terbatas.
Namanya Noraini. Usia-
nya lebih dua belas tahun.
Wajahnya ceria. berkulit
putih-kuning.

"Mak suruh saya
membuat kerja-kerja di
rumah, menyapu, memba-
suh pakaian, menseterika
pakaian, menjaga adik dan
macam-macam lagi."

"Di rumah awak tak
ada pembantu rumah-
kah?"

"Dulu ada. Err enam
orang semuanya, cikgu."

"Mengapa sekarang
tak ada?"

"Kata emak, pembantu
rumah banyak masalah,
banyak tingkah. Meng-
habiskan wang saja."

"Ayah awak tak larang
awak membuat kerja-

kerja rumah?"

"Tidak. Dia pun setuju
ibu menyuruh saya mem-
buat kerja-kerja di
rumah."

"Adik beradik awak
berapa orang?"

"Lapan orang cikgu.
Saya dan kakak saya anak
perempuan."

"Baiklah esok saya
akan panggil ayah kamu."

Tetapi hari yang dijan-
jikan, ayah Noraini tidak
datang. Cikgu Sanusi
hubungi lagi. Dia berjanji
akan datang lusa. Katanya

bilik.

"Saya Anuar. Ayah
Noraini."

"Terima kasih kerana
sudi datang."

"Maafkan saya, saya
tak dapat memenuhi janji.
Saya sibuk."

"Tak apa. Begini Cik
Anuar. Noraini mengadu
dia dibebani dengan kerja-
kerja di rumah sehingga
dia tidak ada masa untuk
mengulang kaji pelajaran
dan membuat kerja rumah
yang diberikan oleh guru-
gurunya."



dia banyak kerja. Cikgu
Sanusi akur. Masa yang
dijanjikan tiba jua. Namun
seperti hari sebelumnya,
ayah Noraini tidak
muncul-muncul. Cikgu
Sanusi putus asa. Dia
menganggap ayah Noraini
tentu tidak hadir. Dia tidak
dapat memenuhi janji-jan-
jinya. Tepat jam dua belas
tengah hari, ketika Cikgu
Sanusi baru keluar dari
bilik guru besar, seorang
lakai berusia empat
puluhan tahun tercepat di
muka pintu biliknya.
Pantas dia memberi
salam. Salamnya dijawab
ramah. Cikgu Sanusi
mempelawanya masuk ke

"Dia anak perempuan
cikgu. Sudah masanya dia
dilatih membuat kerja-
kerja rumah. Nak
mengambil amah, banyak
masalahnya."

"Saya faham Cik
Anuar. Cuma saya minta
berilah kelonggaran kepa-
da Noraini untuk belajar,
untuk mengulang kaji,
untuk membuat kerja
rumahnya."

Anuar diam. Dia tun-
duk memandang lantai di
bilik Cikgu Sanusi.
Fikirannya ligat mencari
jalan bagi mengatasi
masalah yang dibin-
cangkannya bersama

Cikgu Sanusi.

"Baiklah cikgu, saya
akan mengatasi masalah
ini dan berbincang dengan
isteri saya."

Ketika memandu fiki-
ran Cikgu Sanusi masih
berserabut. Dua masalah
yang dapat diselesaikan,
masih ada lagi beberapa
masalah yang dihadapi-
nya. Selepas rihat tadi
seorang murid darjah lima
dihadapkan kepadanya
kerana didapati mencuri
wang rakannya. Bukan
sedikit, wang lima puluh
ringgit!

"Masalah yang awak
hadapi di sekolah tinggal-
kan saja di sekolah bang.
Masalah di rumah kita
pun ada." Isterinya ber-
suara sebaik saja Cikgu
Sanusi mengadu kepala-
nya berdenyut-denyut ke-
rana memikirkan masalah
anak-anak murid di se-
kolah.

"Apa lagi masalahnya
Mahani?"

"Wahabi tak mahu ke
sekolah agama."

"Kenapa pula?"

"Katanya ada kawan-
nya nak memukulnya."
Cikgu Sanusi mengeluh.

"Saya akan berjumpa
guru besar Wahabi."

"Masalah kita belum
selesai bang."

"Apa lagi?" Cikgu
Sanusi hilang selera. Dia
segera membasuh tangan-
nya.

"Bumper kereta yang
saya pandu kena langgar!"

"Kalau dah kena lang-
gar kenapa tak minta
ganti rugi?"

"Pemandunya orang
bangla bang. Dia men-
angis-nangis meminta
maaf. Dia merayu-rayu
agar diampunkan. Konon
dia orang miskin, orang
susah."

Cikgu Sanusi me-
ngeluh panjang. Ke-
palanya semakin berat.
Dia sendiri hilang pertim-
bangan bagaimana hendak
menyelesaikan masalah
seperti itu. Mahu tidak
mahu terpaksa dia
sendiri yang keluar. Dan
kali ini terpaksa pula dia
berbincang dengan pen-
tadbir di sekolah tempat
anaknya belajar agama.
Cikgu Sanusi mengakui
hidup ini bagaikan roda.

**"MASALAH yang awak hadapi
di sekolah tinggalkan saja di
sekolah bang. Masalah di rumah
kita pun ada." Isterinya bersuara
sebaik saja Cikgu Sanusi
mengadu kepalanya berdenyut-
denyut kerana memikirkan
masalah anak-anak murid
di sekolah.**



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 5 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION: STATIC SHOCK/X - MEN EVOLUTION
5.15	JUARA - Siaran Langsung
5.30	ECHO CHALLENGE
5.45	BERITA
6.00	ECHO CHALLENGE - Sambungan
6.25	AZAN MAGHRIB
6.31	SCHO CHALLENGE - Sambungan
6.45	SURAH NABIWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS - Ulangan
7.35	AZAN ISYAK
7.48	SIHAT CERGAS - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.20	TEKAD
9.05	DRAMA CO-PRODUCTION : TITIK CAHAYA
9.45	RENTAK - 'Masyarakat Melayu Belait Di Kuala Belait Bhg 1'
10.00	NEWS AT 10
10.30	RENTAK - Sambungan
10.45	DOKUMENTARI - 'Prehistoric Sharks'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 6 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
9.30	KONVOKEYEN UBD - Siaran Langsung

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : BLINKY BILL

5.15	WILDWIFE - 'Wild City'
5.45	BERITA
6.00	WILDWIFE - Sambungan
6.25	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATHS

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.34	AZAN ISYAK
7.40	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN SEA KE 21 2001
12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 7 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.19	DISCOVER ISLAM: DR. ZAKIR NAIK
12.30	SEMBAHYANG FARU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANG GAMBAR - 'A Feast At Midnight'
3.23	AZAN ASAR
3.28	TAYANG GAMBAR - Sambungan
4.45	FORUM UBD
5.45	BERITA
5.55	FORUM UBD - Sambungan
6.05	UNEARTHED
6.24	AZAN MAGHRIB
6.30	UNEARTHED - Sambungan
6.45	AN-NAHAZAFAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	WANITA
7.34	AZAN ISYAK
7.40	WANITA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB : MENITI BENANG SUTERA
9.30	MENJELANG SUKAN SEA

10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAMA - 'Punca'
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 8 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : FANTAGHIRO/THE ADVENTURES OF BLINKY BILL
11.00	JAWS AND CLAWS
11.30	BERITA
11.40	DRAMA CO PRODUCTION: 'Sekali Air Bah' - Ulangan
12.10	FILLER
12.20	AZAN ZUHUR
12.30	DOKUMENTARI: KESIHATAN UNTUK SEMUA - 'penyusuan Ibu' - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'The Hideout'
2.40	KAMPONG KITA - Ulangan
3.10	PETER BENCHLEY'S AMAZON
3.21	AZAN ASAR
3.40	PETER BENCHLEY'S AMAZON - Sambungan
4.00	RESCUE INTERNATIONAL - 'Rapid Response'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING MARSH/ POWERPUFF GIRLS
5.45	BERITA
6.00	DRAMA RTB : OPIS - Ulangan
6.24	AZAN MAGHRIB
6.30	DRAMA RTB - Sambungan
6.45	WASIAT IMAM

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	GOOD MEDICINE
7.33	AZAN ISYAK
7.39	GOOD MEDICINE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.30	UPACARA PEMBUKAAN RASMI SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Batman and Robin'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 9 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
11.30	BERITA
11.40	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
12.22	AZAN ZUHUR
12.25	BEYOND THE TRUTH - 'Multilition Files'

PETANG

1.30	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
3.20	AZAN ASAR
4.05	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB PERINGKAT NEGARA 2001 - Bahasa Inggeris - Separuh Akhir Kedua
4.45	SUKAN SEA KE-21
5.45	BERITA
5.55	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
6.23	AZAN MAGHRIB
6.30	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA SIRI 3
7.33	AZAN ISYAK
7.38	SEJUTA MAKNA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	SUKAN SEA KE-21
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - 'Jauh Di Mata'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 10 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUKAN SEA KE 21 - Siaran Langsung
12.19	AZAN ZUHUR
12.30	ANIMATION HOUR: C.O.P.S/SUPER MARIO WORLD IV

PETANG

1.15	FILLER
1.30	SUKAN SEA KE-21 -

Siaran Langsung

3.19	AZAN ASAR
3.24	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
5.45	BERITA
5.55	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
6.23	AZAN MAGHRIB
6.37	OUR PLANET - Sambungan
6.30	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL
7.32	AZAN ISYAK
7.37	ASBABUN NUZUL - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 11 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
12.19	AZAN ZUHUR
12.30	VOICE OF THE PLANET - Siri Baru

PETANG

1.30	SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
3.18	AZAN ASAR
3.24	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
5.45	BERITA
5.55	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan
6.22	AZAN MAGHRIB
6.28	SUKAN SEA KE-21 - Sambungan

MALAM

7.00	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN - 'Alien Time Wrap Madness'
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN: DESTINASI
7.32	AZAN ISYAK
7.48	DOKUMENTARI TEMPATAN - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	SUKAN SEA KE-21 - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE X FILES - 'The Gift'
11.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

Keperluan pekerja teknikal, vokasional terus dirancang

PANDAN, 15 Ogos. - Dalam industri minyak dan gas di negara ini, keperluan tenaga kerja di bidang teknikal dan vokasional dalam Syarikat Minyak Brunei Shell, Syarikat BLNG, Syarikat Pemprosesan Shell Brunei, Syarikat Shell Tankers dan Syarikat Block B Usahasama akan terus dirancang mengikut keperluan bidang-bidang berkenaan dari masa ke semasa.

Pengarah Urusan BLNG Sendirian Berhad, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab menyatakan demikian di Majlis Konvokesyen Ke-6 Maktub Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) di Dewan Kemasyarakatan Perumahan Negara 1.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap para graduan akan terus bersedia mencari pekerjaan di sektor swasta terutama di syarikat-syarikat yang membantu dan memberikan perkhidmatan industri minyak dan gas yang ada pada masa ini dan masa depan.

Beliau seterusnya berkata, dalam menentu pencapaian prestasi sesebuah syarikat yang membantu dan memberikan perkhidmatan industri minyak dan gas, pekerja-pekerja syarikat berkenaan akan dinilai dari aspek pencapaian kualiti kerja, kesedaran tinggi dalam aspek keselamatan, keagihan, kreativiti dan proaktif bagi mencapai perkhidmatan yang berkualiti.

Beliau menyeru syarikat-syarikat tempatan supaya bersedia memberikan peluang-peluang pekerjaan dan memberikan kepercayaan kepada graduan-graduan dari institusi-institusi teknik bagi sama-sama membantu pertumbuhan dan perkembangan kualiti individu tersebut.

"Ini termasuklah juga mewujudkan usaha sama di antara syarikat-syarikat tempatan dengan institusi-institusi teknik dalam mendukung usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam skim latihan perantisan, penempatan industri bagi pelajar-pelajar dan tenaga pengajar, memberikan khidmat pakar dalam bidang-bidang tertentu kepada pihak institusi-institusi teknik bagi mendapatkan manfaat kepada kedua-dua pihak," jelas beliau.

Pengarah Urusan BLNG itu seterusnya berkata, dalam tahap mikro, setiap negara yang sedang membangun dan maju akan terus berhadapan dengan cabaran-cabaran dan saing-

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

an-saingan dalam perekonomian, sosial, politik dan budaya.

"Dalam hal yang sama, negara kita juga tidak akan terkecuali dari menghadapi segala cabaran-cabaran tersebut. Pewujudan Dewan Informasi Teknologi Brunei dan Pasukan Khas 2 untuk menubuhkan e-kerajaan dan e-dagang merupakan salah satu inisiatif yang substantif dan bermakna bagi menghadapi cabaran-cabaran dan peluang-peluang IT," jelas beliau lagi.

Seramai 275 graduan menerima diploma dan sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Para penerima terdiri daripada 87 graduan Diploma Kebangsaan, 88 Pra-Diploma Kebangsaan, 36 menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 2 dan 56 menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 3.

Empat orang penerima anugerah pelajar terbaik, Awang Ammirol bin Mohd. Yusof, pelajar kursus Diploma Kebangsaan dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Awang Chia Tik Voon, pelajar kursus Pra Diploma Kebangsaan, Awang Ahmad Aidawardi bin Abdul Rahman, pelajar kursus Sijil Kejuruan Gred 2 Elektrikal dan Awang Mohammad Sanusi bin Sutrisno, pelajar kursus Sijil Kejuruan Gred 3 Elektrikal. Mereka menerima anugerah antaranya sijil, cenderamata, tiket penerbangan dan wang tunai.

Pemangku Pengetua MKJB, Cikgu Nazamsah bin Haji Ibrahim menyifatkan kejayaan para pelajar itu mencerminkan usaha gigih, keyakinan, ketabahan dan kekuatan mental mereka.

Beliau berharap sikap itu akan dapat dihayati dalam mengharungi segala cabaran dalam pekerjaan dan menjalani kehidupan sehari-hari, di samping terus mengingati dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala.

Beliau menjelaskan, sesuai dan selaras dengan slogan maktub itu, 'Berusaha dan Berbakti' rancangan strategik maktub telah dan sedang dikembangukan termasuk menyediakan beberapa program dan kursus singkat dibukakan khusus kepada beliau yang tidak berpeluang mengikuti program atau kursus sepenuh masa.

Patuhi peraturan, bersopan santun, jaga nama baik negara

BERAKAS, 25 Ogos. - Peserta kapal belia yang akan menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2001 dinasihatkan supaya menunjukkan cara hidup yang sebenar, di samping menunjukkan sikap hormat-menghormati dan berpegang teguh kepada kebudayaan serta kepercayaan.

Selain itu, mereka juga disarankan supaya bersikap bersopan santun, tolong-menolong antara mereka, selain mengingati tunjuk ajar yang telah diberi agar ia menjadi panduan ketika berada di luar negara.

Peringatan tersebut dibuat oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd Yusof bin Bakar di Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen negara Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2001 yang berlangsung di Dewan Digadong di sini.

Beliau menegaskan agar peserta belia tersebut supaya mengamalkan 'team work' sesama mereka.

Para peserta kapal belia 2001 itu juga diingatkan supaya sentiasa menjaga tingkah laku serta menjaga nama baik negara, di samping mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Kemuncak majlis tersebut ialah penyerahan Bendera Negara yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan kepada Awang Zulkipli bin Haji Tengah selaku 'national leader' kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.

Oleh
Abu Bakar HAR

Ini disusuli penyerahan pakaian serta peralatan daripada wakil pihak penaja kepada Awang Haji Yusof dan seterusnya menyerahkan kembali kepada Awang

Zulkipli.

Seramai 28 orang belia negara telah dipilih untuk menyertai rancangan tahun ini yang terdiri dari 14 orang lelaki dan 14 orang perempuan dengan diketuai oleh seorang 'national leader' yang dijangka akan bertolak pada 2 September akan

datang.

Pada tahun ini, Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara disertai 11 buah negara Asia Tenggara termasuk dari negara matahari terbit, Jepun yang mengumpul seramai 330 orang belia dan mengambil masa kira-kira 55 hari.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd Yusof bin Bakar menyerahkan Bendera Negara kepada ketua kontinjen, Awang Zulkipli bin Haji Tengah. - Gambar oleh Halim HS.



SEBAHAGIAN para peserta Negara Brunei Darussalam yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2001 semasa menghadiri Majlis Penyerahan Bendera Negara. - Gambar oleh Halim HS.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Bilakah persembahan Malam Gala yang berlangsung Majlis Makan Malam bagi Ketua-ketua Negara APEC di Pusat Persidangan Antarabangsa?

- a). 15 November, 2000
- b). 17 November, 2000
- c). 19 November, 2000

2. Berapa ramai peserta terdiri daripada penuntut sekolah dan pelbagai persatuan seni di negara ini yang turut serta dalam membuat persembahan khas APEC Malam Gala 2000?

- a). 500 orang
- b). 700 orang
- c). 900 orang

3. Bilakah tarikh Simpung Net dilancarkan di Orchid Garden yang disempurnakan oleh Menteri Perhubungan?

- a). 22 Oktober, 2000
- b). 24 Oktober, 2000
- c). 25 Oktober, 2000

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

Alai Pintar

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Alai Pintar keluaran 15 Ogos, 2001.

1. C 2. C 3. C.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 15 OGOS, 2001.

MOHD. NABIL BIN HAJI ALIAS,
NO. 42 C, JETI 3,
KAMPONG BOKKIAH 'A',
BANDAR SERI BEGAWAN,
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM.

AMIRUL RAHIMI BIN ABDUL RAHMAN
NO.21, SIMPANG 126-12-11-9,
KAMPONG MATA-MATA GADONG,
BE 1718,
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH PDS.

NURMAJIDAH BINTI MAIDI
NO.3, JALAN KILARONG, SIMPANG 41-48,
KAMPONG KIULAP BE 1518,
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI,
KAMPONG BUNUT.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 490

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 490,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ARENA SUKAN

Pesta Gasing ASEAN 2001

TARIK LEBIH RAMAI PELANCONG

PENGKALAN BATU, 20 Ogos. - Sumbangan besar pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta orang ramai selaku penggerak aktiviti-aktiviti bagi memeriahkan Tahun Melawat Brunei 2001 bukan sahaja dapat meningkatkan industri pelancongan di negara ini, malahan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi kesan dari limpahan industri tersebut.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pesta Gasing ASEAN 2001 di Taman Rekreasi Kampung Parit di sini.

Beliau seterusnya berharap agar pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan terutama agensi pengembaraan, perhotelan dan agensi-agensi yang lain akan lebih agresif dalam menarik lebih ramai pelancong luar negeri untuk datang ke negara ini.

Menurutnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Bahagian Pelancongan, kementerian tersebut akan sentiasa berganding bahu dengan pihak swasta dalam mempromosikan negara ini, sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan unik.

Dato Paduka percaya segala aktiviti kebudayaan dan kesenian termasuk permainan gasing akan dapat memberikan kemanfaatan dan hasil pulangan serta pendapatan kepada masyarakat kampung.

Menyentuh pesta tersebut, Dato Paduka melahirkan rasa gembira bahawa gabungan strategik telah dapat diperlihatkan antara Persatuan Gasing Kebangsaan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah dapat mengukuhkan dan meneguhkan permainan warisan tradisi itu sebagai khazanah Melayu

Oleh Sahari Akim

Nusantara.

Apa yang menarik perhatian katanya, pesta itu juga disertai oleh pemain-pemain dari negara-negara ASEAN yang dianggap lebih bermakna kerana dapat mendedahkan aspek-aspek variasi gasing di Nusantara untuk dapat dikongsikan sesama peserta.

Perkongsian maklumat dan pengetahuan itu akan dapat lagi mengukuhkan persefahaman dan hubungan silaturahim yang sedia terjalin di antara peserta selain akan membuka lebih banyak ruang untuk berinteraksi dan menjalin jaringan persahabatan dan pemiagaan di masa hadapan, di samping sama-sama mengekalkan dan meningkatkan keunggulan budaya serta seni permainan tradisi itu di rantau ini, tambah beliau.

Acara-acara seperti itu, ujarnya, diharapkan akan dapat membentuk kecemerlangan pelancongan yang lebih menarik, unik dan kompetitif yang diharapkan akan dapat menjana pertumbuhan industri pelancongan di negara ini.

Pesta Gasing ASEAN 2001 dikelolakan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Persatuan Gasing Kebangsaan Brunei (PERGAB) sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Selain disertai oleh pasukan tempatan terdiri dari Pasukan Brunei 'A', Brunei 'B', Brunei 'C' dan Brunei 'D', pesta itu juga disertai Pasukan Negeri Selangor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyaksikan pelbagai jenis gasing yang dipamerkan sempena Pesta Gasing ASEAN 2001 yang berlangsung di Taman Rekreasi Kampung Parit. - Gambar oleh Masri Osman.



PESTA Gasing ASEAN 2001 disertai sama oleh pasukan tempatan dan peserta dari Selangor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. - Gambar oleh Masri Osman.

100 kenderaan bermotor dipamer

LEBIH 100 buah kenderaan bermotor dipamerkan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara pada 19 Ogos lalu. Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun.

Pameran sehari itu dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku pengerusi bersama ahli Jawat-

Oleh Abdullah Asgar

ankuasa Pentadbir Eksekutif Perayaan tahun ini.

Pameran disertai oleh lebih 100 buah kenderaan bermotor terdiri kereta antik, kereta lumba, jet ski, motosikal berkuasa tinggi, go-kart dan pacuan empat roda.

Ini merupakan pameran kedua oleh Persatuan Bermotor Brunei Darussalam bagi mempromosikan sukan

bermotor di negara ini yang agak kurang penyertaan daripada pihak-pihak penaja.

Menurut salah seorang peminat sukan bermotor walaupun berhajat bagi memenangi lebih banyak kejohanan luar dan dalam negeri, namun hasrat terpaksa dilupakan kerana tiada syarikat atau perseorangan yang sanggup menaja memandangkan kos pengangkutan sukan seumpama itu yang agak tinggi.

Tetapi beliau tidak ber-

putus bagi meneruskan sukan itu kerana berkeyakinan suatu hari nanti akan timbul pihak-pihak tertentu yang tulen sanggup menaja sukan bermotor di negara bagi menaiki imejnya yang kurang buat masa ini.

Secara realitinya sukan kenderaan bermotor seperti motorcross, jet ski, go-kart dan pacuan empat roda telah menampakkan kemajuan kerana beberapa kali berjaya memenangi kejohanan luar negeri dan peringkat antarabangsa jempolan dalam negeri.



PENGERUSI Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman merasmikan Pameran Kenderaan Bermotor sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun (kiri). Sementara gambar kanan, beliau menyaksikan motosikal yang dipamerkan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

PERTANDINGAN GOLF ANTARA KAMPUNG, MUKIM SERASA

MUKIM Serasa akan menganjurkan pertandingan golf antara kampung di Padang Golf RBA pada 7 Oktober, 2001. Pertandingan itu ialah bagi merebut piala pusingan sumbangan Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Haji Ahmad bin Haji Jumat, Pemangku Menteri Pembangunan untuk juara kampung, sementara bagi perseorangan piala pusingan sumbangan Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tujuan utama pertandingan ialah bagi mempertingkatkan perasaan perkampungan dan mengeratkan lagi hubungan antara ahli-ahli kampung dan juga antara kampung khususnya bagi pemain-pemain golf.

Setiap kampung dibenarkan menghantar seramai empat hingga enam orang pemain dan senarai pemain mestilah mendapat pengesahan ketua kampung masing-masing. Peserta ini sama ada bermastautin atau berasal dari kampung berkenaan. Penyertaan terbuka kepada semua kampung di Negara Brunei Darussalam tetapi ianya terhad kepada 15 kampung terawal yang mendaftar dan membayar yuran pertandingan.

Pertandingan berasaskan kepada pengiraan stableford dan juara kampung ialah pasukan kampung yang mendapat jumlah mata stableford yang terbanyak dari empat pemain yang terbaik dari setiap pasukan. Yuran pertandingan ialah \$80 seorang dan ini termasuk green fee, cart serta sarapan pagi dan makan tengah hari.

Borang boleh didapati dari setiap padang golf di Negara Brunei Darussalam atau dari jawatankuasa penganjur; Awang Shofry Abdul Ghafor, tel: 02-717234 atau e-mel shofry@hotmail.com., Awang Haji Yaakub Haji Jumat, tel: 772048, Awang Haji Mohd. Idris Haji Mohd. Noor, tel: 222453 atau e-mel ssidrisn@rba.com.bn dan Haji Budin Haji Abdul Rahman, tel: 867188. Tarikh tutup menghantar borang ialah 17 September, 2001.